


Jilid I
Bil. 73



Hari Rabu
10hb Oktober, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7959]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Majalah "Asia Week" [Ruangan 7986]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) [Ruangan
7989]

Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) [Ruangan
7995]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJI BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (KANOWIT).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, K.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., P.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KIRIMAN DADAH MELALUI POS

1. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setakat ini berapakah kes pengiriman dadah melalui pos di dalam negeri, ke luar negeri dan ke dalam negeri yang dapat dikesan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengirimnya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, kes-kes dadah yang dihantar melalui pos semenjak tahun 1976 sehingga bulan Jun, 1979 adalah seperti berikut:

	Dalam Negeri	Hantar ke luar negeri	Hantar ke dalam negeri
1976 ...	—	5	—
1977 ...	—	5	—
1978 ...	1	2	—
1979 ...	—	—	—

Kebanyakan pengirim tidak mencatatkan nama-nama mereka pada sampul atau bungkusan itu. Jika ada pun, nama-nama yang tercatat adalah nama-nama samaran. Bungkusan-bungkusan yang mengandungi dadah ini serta nama-nama penerima telahpun diserahkan ke pihak Polis untuk tindakan selanjutnya oleh pihak tersebut.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan

Menteri menyedari bahawa posman juga boleh mengedar dadah di samping mereka mengedar surat kerana kemudahan ada pada mereka dan orang ramai susah mengesaninya.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Setakat ini tidak ada sebarang laporan bahawa adanya posman yang terlibat dalam kegiatan tersebut.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada pengiriman dadah melalui pos ini dengan cara bungkusan biasa ataupun dengan cara berdaftar.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, semua kes-kes ini adalah dengan mereka menghantar melalui pos biasa sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak yang berkuasa bercadang untuk menubuhkan satu yunit khas di dalam Jabatan Pos untuk mengesan semua kiriman-kiriman pos yang mengandungi dadah sebagai satu langkah untuk mencegah kegiatan haram ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pos pada masa ini sedang bekerja rapat dengan pihak Polis khususnya dan setakat ini tidak ada cadangan untuk menubuhkan satu yunit khas.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini demi kepentingan keselamatan negara dan orang ramai yang menerima barang-barang melalui pos ini adakah tiap-tiap Pejabat Pos di tiap-tiap negeri telah dilengkapi dengan alat-alat yang boleh mengesani bukan sahaja bungkusan yang mengandungi dadah, juga mungkin bom atau barang-barang yang berbahaya yang dilarang oleh negara kita.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jikalau pihak Jabatan Pos mendapat maklumat bahawa ada barang-barang larangan yang dihantar melalui pos maka tindakan akan diambil untuk mengesannya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan asal saya begini. Bagaimana Jabatan Pos di tiap-tiap negeri boleh dilengkapi dengan alat-alat yang boleh mengesani setiap bungkusan yang mungkin mengandungi dadah, bom atau barang-barang merbahaya yang dilarang oleh negara kita, bukan hanya terserah kepada pihak Polis.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita pada masa ini tidak ada alat-alat tertentu untuk mengesan benda-benda yang dihantar melalui pos tetapi dengan kerjasama pihak Polis yang mana mereka ada alat-alat tertentu untuk mengesan barang-barang larangan melalui pos maka kegiatan seperti ini telah dapat kita cegah.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak apa lagi, sudah ada jawapannya?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan saya begini. Kalaulah Perkhidmatan Pos negara kita masih belum dilengkapi dengan alat-alat yang boleh mengesan sesuatu maka bagaimanakah Jabatan Pos boleh mendapati ada barang-barang yang merbahaya atau dilarang yang terkandung dalam bungkusan itu.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mendapat bantuan daripada pihak Polis adakah Jabatan Pos juga mendapat bantuan daripada Biro Narkotik untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat kerjasama daripada Biro Narkotik.

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Oleh kerana ada banyak kes-kes jenayah yang terlibat dalam kes-kes dadah, adakah Kerajaan bercadang membina

sebuah penjara asing untuk orang-orang atau penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam kes dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, tidak payah dijawab.

SISTEM PENGANGKUTAN DI LAWAS, SARAWAK

2. Tuan Racha Umong minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperbaiki sistem pengangkutan dari Lawas ke Ba' Kelalan dan Long Semadoh yang mana pada masa sekarang hanya boleh sampai dengan penerbangan MAS yang memakan masa 30-35 minit ataupun enam hari berjalan kaki untuk memudahkan penduduk-penduduk di situ mengekspot hasil pengeluaran utama mereka seperti beras, kerbau lembu, pisang, nenas, limau, kobis, kopi dan lain-lain serta mengimpor gula, minyak tanah, minyak kacang, bahan-bahan pembinaan seperti zink, simen, paku dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, MAS telahpun merancang untuk menggantikan dua buah kapal terbang jenis BN 2 di antara empat buah kapal terbang jenis itu dengan kapal terbang jenis yang lebih besar untuk menambahkan lagi capacity bagi perkhidmatan penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Dengan bertambahnya capacity itu maka penerbangan di antara Lawas ke Ba' Kelalan dan Long Semadoh akan dengan sendirinya ditambahkan dan dengan itu akan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Penambahan capacity ini dijangka akan dilaksanakan dalam bulan April, 1980.

BEKALAN TONG GAS KEPADA PENGGUNA

3. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar tentang letupan gas baru-baru ini di Pulau Pinang di mana salah satu kes melibatkan sebuah sekolah menengah; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menentukan bahawa tong-tong gas yang dibekalkan kepada pengguna-pengguna adalah selamat digunakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang letupan gas yang berlaku baru-baru ini di Pulau Pinang. Sebenarnya kejadian yang berlaku di sekolah tersebut bukanlah letupan tangki gas seperti yang dilaporkan dalam salah sebuah akhbar tempatan, tetapi kebakaran ke atas perkakas-perkakas seperti gas stove iaitu dapur, kualiti dan meja akibat dari kebucuran gas di hose getahnya, tangki gasnya tidak meletup. Namun demikian, tindakan telah diambil di mana satu mesyuarat khas telah diadakan pada 14hb Jun 1979 di Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Kementerian saya, bertujuan untuk mengkaji masalah penggunaan, keselamatan dan pengedaran gas cecair (LPG). Pihak-pihak yang dijemput ke mesyuarat tersebut termasuklah Polis Diraja Malaysia; Bomba Wilayah Persekutuan; Wakil-wakil Syarikat Minyak; Bahagian Kemajuan Petroleum, Jabatan Perdana Menteri; Pembuat Selinder Gas dan lain-lain Jabatan yang berkenaan.

Masalah yang dibincangkan di mesyuarat itu, di antara lain, ialah pengedaran haram dan pembuatan gas cecair (illegal bottling) yang dianggap sebagai salah satu daripada perkara yang mungkin menyebabkan letupan boleh berlaku. Keputusan mesyuarat ini adalah seperti berikut:

- (i) Menganakan lesen ke atas semua pengedar, pengilang dan peruncit bagi semua jenis Gas Cecair (LPG) yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Ini adalah untuk memudahkan Pegawai Penguatkuasa daripada Kementerian saya mengesan pembuat-pembuat gas yang haram dan juga penjual-penjual gas yang haram serta juga alat-alat yang berkaitan dengan gas seperti paip plastik yang menyambung gas cecair dengan dapur gas;
- (ii) Pihak Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan (MPPPK) telahpun diarahkan supaya menjalankan Kempen Keselamatan bagi pengguna-pengguna gas cecair dengan memberi mereka keterangan dan pelajaran akan cara menggunakan gas cecair melalui radio, TV dan mana-mana mass-media Kerajaan; dan
- (iii) Pihak SIRIM telah diminta untuk memastikan bahawa silinder-silinder yang dibuat di negara ini adalah meng-

ikut syarat-syarat keselamatan yang digunakan oleh SIRIM. Syarikat-syarikat Minyak telah memberitahu bahawa ke semua silinder-silinder yang diperbuat di negara ini telahpun diluluskan oleh SIRIM. Mana-mana silinder yang didapati tidak lagi selamat digunakan hendaklah dimusnahkan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan dapat memberitahu Dewan ini sama ada pihak yang berkenaan juga ber-cadang untuk mengadakan pemeriksaan di tiap-tiap kedai agen gas untuk menentukan bahawa tong-tong yang digunakan untuk membotolkan gas ini adalah tong-tong yang baik iaitu tong-tong gas yang dibekalkan kepada pengguna-pengguna adalah selamat digunakan.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan sebentar tadi, pihak SIRIM telah diminta untuk memastikan bahawa silinder-silinder yang dibuat di negara ini adalah mengikut syarat-syarat keselamatan yang digunakan olehnya. Jadi, untuk memastikan bahawa gas silinder ini adalah selamat ataupun sebaliknya, selain daripada standard yang ditetapkan oleh SIRIM itu, apabila lesen atau kawalan ini dikuatkuasakan terhadap penjualan dan pembuatan gas silinder ini, iaitu di bawah Akta Bekalan Tahun 1961, pemeriksaan akan dibuat daripada satu ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali tidak hadir. Di bawah Peraturan 24 (2) sekarang soalan ini ialah atas nama Yang Berhormat dari Baling.

SKIM PERKHIDMATAN KADI

4. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menjelaskan sejauh manakah usaha penyelarasan Mahkamah Syariah dan skim perkhidmatan para kadi di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Mahkamah Syariah di Malaysia berbeza-beza di antara negeri-negeri oleh kerana perkara ugama adalah hak mutlak kuasa Raja-Raja dan Kerajaan Negeri.

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa mengkaji kedudukan Mahkamah Syariah dan taraf kadi-kadi dan Jawatankuasa ini telahpun mengadakan lawatan, perjumpaan dan mesyuaratnya sebanyak 10 kali bagi mengkaji Mahkamah Syariah dan taraf Kadi-kadi. Setakat ini bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan satu kertas kerja yang lengkap mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bagi dikemukakan kepada jawatankuasa itu. Kertas kerja tersebut akan dikaji oleh jawatankuasa sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan Persekutuan melalui Fasal 112 Perlembagaan Persekutuan dapat menyelaraskan organisasi kepegawaian di peringkat negeri memandangkan segala skim perkhidmatan dan pengwujudannya perlu mendapatkan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Setakat ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju dengan Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama Islam dan Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir Rendah Hal Ehwal Ugama Islam untuk digunakan oleh Majlis-majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5.

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (2), soalan ini sudah menjadi soalan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka.

PENGECEUALIAN CUKAI PENDAPATAN

5. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada:

(a) pengecualian cukai untuk orang-orang individu akan dinaikkan dari \$2,000 kepada \$4,000 untuk isteri pengecualian

cukai akan ditambah dari \$1,000 kepada \$2,000 dan untuk ketiga anak pertama sebanyak \$1,000 masing-masing memandangkan kos kehidupan telah melambung naik sejak beberapa tahun ini; dan

(b) sama ada ibubapa-ibubapa yang mempunyai anak-anak yang sedang melanjutkan pelajaran tinggi mereka di dalam negeri atau di luar negeri akan diberi "rebate" pelajaran.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, soal menempatkan pelepasan cukai untuk individu, isteri dan anak seperti yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional di dalam persidangan-persidangan Dewan Rakyat yang lalu. Soal ini telah juga dibangkitkan oleh sektor swasta di dalam dialog yang telah berlangsung dahulu dengan Menteri Kewangan. Sebenarnya soal ini adalah di dalam kajian Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan masalah inflasi yang dihadapi oleh Malaysia khususnya ibubapa yang menghantar anaknya ke seberang laut, maka adakah cadangan (a) dan (b) ini telah dimasukkan dalam Belanjawan tahun 1980 yang akan dibentangkan pada minggu hadapan?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, penuntut-penuntut berumur 16 tahun dan ke atas yang melanjutkan pelajaran tinggi di luar negeri adalah layak untuk menerima rebate pelajaran.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa kedua-dua cadangan ini telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada pihak Barisan Nasional dalam Dewan ini. Untuk bahagian (b), semasa dalam 10 tahun di Dewan ini, saya tidak pernah dengar seorang Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional kemukakan perkara ini atau cadangan perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan bila, masa cadangan itu dikemukakan atau itu adalah satu kenyataan yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua: Inipun hendak bahas juga?

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan mesti tepat.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perkara ini adalah dalam kajian Kerajaan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan bersabar.

PERTUKARAN GURU-GURU BESAR SEKOLAH RENDAH

6. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan prinsip-prinsip pertukaran dan penempatan Guru-guru Besar Sekolah Rendah yang dikatakan akan berlaku di dalam bulan Oktober, 1979 ini, di samping mengkhususkan bagaimana-kah kedudukan seseorang Guru Besar C2 yang berkeelayakan yang sedang berkhidmat di Sekolah Gred B yang telah dinaikkan ke

Gred A beberapa tahun yang lalu dan sama ada ianya dikekalkan sebagai Guru Besar di Sekolah itu atau ditukarkan ke Sekolah Gred B yang lain sebagai Guru Besar atau diturunkan pangkat menjadi guru biasa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, prinsip penempatan Guru-guru Besar Sekolah Rendah yang akan dilaksanakan pada penghujung tahun ini adalah mengikut amalan perjawatan dan perkhidmatan yang terdapat dalam perkhidmatan pelajaran dewasa ini. Semua jawatan-jawatan kenaikan pangkat di Sekolah Rendah iaitu jawatan-jawatan Guru Besar Sekolah Rendah Gred A, B dan C dan Penolong Kanan bagi Sekolah Rendah Gred A dan B akan diisi oleh guru-guru Kategori C2 sesuai dengan jawatan yang disandang oleh mereka mengikut Sekim Perkhidmatan.

Keterangan lanjut mengenai taraf jawatan-jawatan Guru-guru Besar dan Penolong Kanan Sekolah Rendah dan guru-guru yang layak mengisi jawatan itu adalah seperti berikut:

<i>Jenis Sekolah</i>	<i>Gred Jawatan</i>	<i>Pegawai Yang Layak Mengisi Jawatan</i>
(i) Guru Besar Sekolah Rendah Gred A	C2, Tingkatan-tertinggi ..	Sekurang-kurangnya pegawai-pegawai Kategori C2, Tingkatan Khas yang mempunyai kebolehan yang tinggi, boleh dipertimbangkan untuk mengisi jawatan ini jika ada kekosongan.
(ii) Guru Besar Sekolah Rendah Gred B dan Penolong Kanan Sekolah Rendah Gred A	C2, Tingkatan Khas ..	Sekurang-kurangnya pegawai-pegawai Kategori C2, Tingkatan Biasa A dan telah berkhidmat selama 2 tahun dalam jawatan Kategori C2, Tingkatan Biasa A serta mempunyai kebolehan yang tinggi adalah boleh dipertimbangkan untuk mengisi jawatan-jawatan ini jika ada kekosongan.
(iii) Guru Besar Sekolah Rendah Gred C dan Penolong Kanan Sekolah Rendah Gred B. (Akan diadakan pada tahun 1980)	C2, Tingkatan Biasa A ..	Sekurang-kurangnya pegawai-pegawai Kategori C2, Tingkatan Biasa yang telah disahkan dalam jawatan dan mempunyai lama perkhidmatan sebagai Kategori C2, Tingkatan Biasa dan mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun perkhidmatan serta mempunyai kebolehan yang tinggi, boleh dipertimbangkan untuk mengisi jawatan-jawatan ini jika ada kekosongan.

Dengan keterangan di atas mengenai taraf jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan serta pegawai-pegawai yang layak mengisi jawatan yang disebutkan, maka jelaslah kedudukan prinsip-prinsip penempatan Guru-guru Besar serta Penolong Kanan Sekolah-sekolah Rendah. Bagi Guru-guru Besar Kategori C2, Tingkatan Khas Sekolah Rendah Gred B, sekarang, yang mana jawatan Guru Besar itu akan dinaikkan taraf kepada Gred A sekiranya pegawai itu mempunyai kebolehan yang tinggi dari segi kerja dan kelakuan dan sifat-sifat peribadi baik serta mendapat sokongan dari Ketua Jabatannya, beliau adalah layak dipertimbang-

kan untuk kekal pada jawatan itu di samping mendapat kenaikan pangkat kepada gred yang lebih tinggi iaitu Kategori C2, Tingkatan-tertinggi. Di dalam urusan yang akan dilaksanakan pada penghujung tahun ini tidak ada seorang pun Guru Besar Sekolah Rendah Gred B yang akan diturunkan pangkat menjadi guru biasa.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Istilah turun pangkat umpamanya seseorang Guru Besar Sekolah B dan sekolahnya layak sekarang naik ke Gred A, kemudian dia ditukar menjadi Penolong Kanan di Sekolah A, dia sekarang Guru

Besar C2 menjadi Guru Besar di sekolah B tetapi sekolahnya dinaikkan kepada Gred A tetapi dia ditukar ke sekolah lain menjadi Penolong Kanan Guru Besar Sekolah A. Adakah itu dikatakan turun pangkat ataupun tidak?

Dato' Chan Siang Sun: Saya kurang faham.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Sekali lagi saya ulang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun tak boleh ikut sangat—banyak sangat gred-grednya.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Seseorang Guru Besar C2 sedang menjawat jawatan Guru Besar di Sekolah B tetapi sekolahnya telah dinaikkan ke pangkat A. Oleh sebab dia kekurangan beberapa perkara, umpamanya kebolehan yang tinggi sebagaimana yang dikatakan itu tidak tercapai maka dia ditukar ke sekolah lain, tempatnya itu diisi dengan orang lain, dia ditukar itu tidak menjadi Guru Besar di Sekolah B sebagaimana yang dia ada sekarang tetapi ditukar menjadi Penolong Kanan Guru Besar di Sekolah A. Adakah itu dikatakan turun pangkat ataupun tidak turun pangkat?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, kes semacam ini barangkali guru itu selain daripada apa yang telah disebutkan oleh saya tadi dalam pokok jawapan saya barangkali ada faktor-faktor yang lain berkenaan dengan guru yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jikalau mengikut Guru Besar Gred B, gred itu ialah bersamaan dengan Penolong Kanan Gred A—dua-dua gred sama, barangkali guru ini tidak diturunkan pangkatnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Jika seseorang Guru Besar itu mempunyai kebolehan yang tinggi dalam pekerjaannya tetapi kekurangan sedikit kerana Guru Besar itu selalu menentang dasar Kerajaan dan selalu mencaci Kerajaan, kadangkala apa yang Kerajaan buat semuanya tak betul. Apakah guru ini akan dinaikkan pangkat juga?

Dato' Chan Siang Sun: Jikalau mengikut syarat untuk kenaikan pangkat, kalau itu menjadi satu perkara berkaitan dengan syarat kenaikan pangkat, barangkali peluang beliau kurang sedikit (*Ketawa*).

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa sekiranya seseorang Guru Besar Gred B Sekolah Rendah dinaikkan ke Sekolah Gred A sebagai Penolong Kanan, ini tidak dapat dianggap sebagai penurunan pangkat, kerana sama ada beliau ini di dalam Gred A atau Sekolah A atau B, pangkatnya masih lagi diperingkat Special Grade.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya apa?

Tuan Hussein bin Mahmood: Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar perkara yang sedemikian itu.

Dato' Chan Siang Sun: Saya sedar (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ini sekarang sedar-kah atau tadi belum sedar? (*Ketawa*).

Dato' Chan Siang Sun: Sudah sedar.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa mereka yang kritik dasar Kerajaan mempunyai peluang yang kurang untuk naik pangkat. Adakah ini bererti dasar Kerajaan ialah mereka yang berharap naik pangkat mesti selalu—hari-hari, puji Kerajaan dan lebih baik puji Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru boleh dapat naik pangkat.

Dato' Chan Siang Sun: Itu benar (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling mahu jawapan yang tepat macam itu—bagus.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di Dewan ini, apakah kebolehan yang tinggi bagi menentukan taraf Guru-guru Besar daripada C ke B, daripada B terus ke A.

Dato' Chan Siang Sun: Kebolehan yang tinggi itu ialah kecekapan dan juga adanya inisiatif atas satu-satu perkara dan ini menjadi satu kualiti untuk seseorang guru biasa jikalau mahu menjadi Guru Besar.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa salah satu daripada kriteria

untuk kenaikan pangkat ialah selalu kena puji Timbalan Menteri. Dan ini adakah faktor-faktor yang lain misalnya memberi sogokan juga akan diberi pertimbangan kerana pujian-pujian itupun kalau sekiranya ada keadaannya juga merupakan suatu yang membawa kepada pertimbangan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab juga?

Dato' Chan Siang Sun: Tidak payah jawab.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya adalah memandang serius jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dasar Kerajaan juga menurun atau menaikkan pangkat seseorang pegawai Kerajaan. Sebaliknya kalau seseorang pegawai menentang atau mengkritik dasar Kerajaan, mungkin pangkatnya akan diturunkan dan kalau dia mengampu Kerajaan atau menyokong Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Merambu atau mengampu (*Ketawa*)

Tuan Chan Teck Chan: Mengampu. Mengampu atau memberikan sokongan kepada Kerajaan akan dinaikkan pangkat. Adakah ini benar-benar merupakan satu dasar yang termaktub dalam Kementerian Pelajaran untuk menurun atau menaikkan pangkat?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan dasar Kementerian Pelajaran tetapi sudah disebutkan oleh Ketua Pembangkang tadi adakah ini benar. Saya kata ini benar. Jadi itu tidak menjadi dasar.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihaknya sedar bahawa ada guru-guru yang menentang Kerajaan selama ini sudahpun dinaikkan pangkat dan setengah-setengahnya ada yang menjadi Guru Besar.

Dato' Chan Siang Sun: Jawapannya saya kena check dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan bahawa antara faktor-faktor seseorang yang mahu naik pangkat mempunyai ialah mesti ada kualiti untuk memuji Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah ini termasuk kebolehan untuk memuji Yang Berhormat Timbalan

Menteri walaupun Timbalan Menteri itu bodoh, tidak tahu jawab soalan di sini, sungguhpun tidak layak jadi Menteri pun mahu puji.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain. Tidak payah dijawab. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Dia tahu jawab.

Dato' Chan Siang Sun: Perkataan bodoh itu, saya ingat kena-tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak kata dia bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak tuduh sesiapa.

Dato' Chan Siang Sun: Bodoh

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang bodoh tahu siapa yang bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah. Ini macam orang muda julung berkeris sahaja (*Ketawa*). Cukup, cukup.

KILANG MEMASANG KENDERAAN

7. **Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kilang-kilang memasang kenderaan di Malaysia dan memandangkan bahawa hanya peratus kecil alat-alat bahagian yang digunakan untuk pembuatan kenderaan adalah dibuat dalam negeri ini dan yang demikian, tidak memberi faedah kepada ekonomi negara kita, apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk memajukan pembangunan industri-industri yang boleh membekal pemasangan-pemasang kenderaan dengan alat-alat bahagian bagi pemasangan kereta dan adakah masanya telah tiba bagi Kerajaan menyemak semula kes perlindungan tarif bagi pemasangan kenderaan di Malaysia; jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb September, 1979, sejumlah 18 buah kilang-kilang memasang kenderaan di Malaysia telah diluluskan oleh Kementerian saya. Daripada jumlah ini, 10 buah adalah kilang pemasangan kereta-kereta penumpang dan perdagangan; 3 kilang memasang kereta-kereta perdagangan dan 5 kilang pemasangan motosikal dan "scooters".

Kerajaan memang sedar bahawa hanya sebahagian kecil daripada alat-alat yang digunakan untuk pembuatan kenderaan adalah dibuat dalam Negeri ini. Oleh hal yang demikian, langkah-langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk memajukan pembangunan industri-industri tempatan yang boleh membekalkan alat-alat kenderaan tersebut. Untuk melaksanakan matlamat ini, satu panduan yang dinamakan "Guideline for Mandatory CKD Deletion" telah diadakan oleh Kerajaan.

Sukalah saya memperingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun membuat pengisytiharan mengenai panduan ini melalui akhbar pada 21hb Julai 1979. Sekali lagi saya ingin menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu secara ringkasnya, panduan ini menetapkan bahawa pekilang-pekilang tempatan yang mengeluarkan alat-alat kenderaan hendaklah berkeupayaan membekalkan sekurang-kurangnya 80% pasaran asal. Mutu alat-alat kenderaan ini hendaklah diluluskan oleh SIRIM ataupun mana-mana badan bertaraf antarabangsa. Jenis-jenis alat yang telah dimansuhkan (deleted) hingga hari ini daripada bungkusan CKD ialah "tyres, tubes, battery, safety seat belts, rubber mating, drive chains, paint and other direct consummables" dan pemasangan-pemasangan kenderaan juga telah diberi tempoh sehingga 23hb April, 1980 untuk memansuhkan "safety glass" daripada bungkusan CKD. Lain-lain alat kenderaan yang akan dimansuhkan adalah bahagian-bahagian kenderaan yang mana dapat memenuhi keperluan dan kehendak-kehendak garis panduan tersebut. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menghadkan bilangan "makes" dan "models" kenderaan-kenderaan yang dipasang supaya industri alat-alat kenderaan tempatan (local automotive component parts) dapat berkembang dengan sempurna.

Selain dari langkah-langkah ini, Kerajaan juga sedang menyediakan rancangan kandungan tempatan (local content programme) untuk kenderaan-kenderaan motor dan motosikal yang dipasang di Negara ini di mana pemasangan-pemasangan kenderaan tempatan diwajibkan menggunakan alat-alat kenderaan tempatan.

Kerajaan juga masih memberi galakan cukai kepada beberapa jenis barang-barang alat kenderaan yang dibuat dalam Negara ini iaitu seperti berikut:

- (i) taraf perintis,
- (ii) kredit cukai pelaburan, dan
- (iii) galakan tempat kedudukan.

Seterusnya, Kerajaan berpendapat masanya belum tiba untuk menyemak semula kes perlindungan tarif bagi industri pemasangan kenderaan di Malaysia berdasarkan kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) perlindungan tarif pada masa sekarang ke atas industri pemasangan kenderaan adalah mencukupi;
- (ii) bilangan dan keupayaan pemasang-pemasang kenderaan di dalam Negara ini adalah lebih mencukupi untuk menampung keperluan kereta-kereta perdagangan dan penumpang, dan juga kenderaan-kenderaan dua-roda bagi mewujudkan persaingan yang sihat antara mereka di dalam Negera ini;
- (iii) selain daripada perlindungan tarif, Kerajaan juga mengenakan kawalan import bagi kereta-kereta yang dibawa masuk dalam bentuk C.B.U. (completely built unit); dan
- (iv) kajian yang dibuat oleh Kerajaan menunjukkan bahawa Negara-negara ASEAN yang lain yang telah mengharamkan pengimportan kereta-kereta C.B.U., ataupun mengenakan perlindungan tarif yang terlalu tinggi, telah mewujudkan keadaan monopolistic dalam mana harga kereta-kereta pemasangan tempatan adalah sangat tinggi.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan begitu banyak kilang-kilang pemasangan kereta telah diluluskan, adakah Yang Berhormat Setiausaha Perlindungan Perdagangan sedar bahawa banyak kereta-kereta yang dijual di Malaysia hari ini apabila rosak tidak dapat dicari spare-parts dan juga kualiti kereta-kereta yang dipasang di kilang-kilang tempatan sangat tidak memuaskan. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan saya tidak tahu apa jenis keretanya.

KEKURANGAN DOKTOR DI SABAH

8. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan doktor di Sabah terutama sekali di Daerah Silam yang mengakibatkan kesusahan kepada rakyat di sana, dan jika ya, samada beliau akan menimbang menghantar doktor-doktor tambahan ke Sabah secepat mungkin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedudukan doktor-doktor di Negeri Sabah adalah bertambah baik jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, Kementerian adalah sentiasa mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasi keadaan ini.

Berkenaan Silam, sebenarnya ianya adalah sebuah kawasan pilihanraya (constituency) yang meliputi Daerah Semporna dan Daerah Lahat Datu. Pada Pertengahan bulan September, 1979 kedua-dua jawatan Pegawai Perubatan di Hospital Daerah Semporna dan 2 jawatan Pegawai Perubatan daripada 4 yang diperuntukan bagi Hospital Daerah Lahat Datu telah diisi. Pegawai Perubatan tambahan akan dihantar ke Hospital Daerah Lahat Datu apabila diperolehi kelak.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan selepas membuat banyak lawatan ke seberang laut beberapa tahun yang lampau dan juga lawatan rombongan pedagang luar negeri ke negara kita; samada lawatan serupa ini mempunyai kesan yang baik ke atas negara-negara yang mundur dalam segi perdagangan dan perindustrian.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum untuk saya memberikan jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini terdapat dua jenis rombongan yang dikelolakan oleh Kementerian saya, iaitu:

(i) Rombongan Galakan Pelaburan (Investment Mission) yang kadangkala diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri; dan

(ii) Rombongan Perdagangan (Sales Mission) yang kadang-kadang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan pada kebiasaannya diketuai oleh seorang Pegawai Tinggi dari Kementerian saya. Rombongan-rombongan tersebut telah memberi banyak faedah kepada negara kita di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Hasil dari lawatan rombongan-rombongan tersebut dapat dilihat dalam bentuk hubungan perdagangan yang bertambah baik di antara negara kita dengan Negara-negara yang maju. Selain daripada itu, pelaburan-pelaburan yang telah diwujudkan dalam sektor perkilangan telah memberi sumbangan yang penting kepada ekonomi kita dari segi pembentukan modal yang semakin bertambah, penciptaan gunatenaga yang baru, pengenalan teknologi maju dan kemasukan barang-barang buatan Malaysia ke dalam pasaran Luar Negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rombongan galakan pelaburan ke luar negeri, bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu Dewan ini tentang apakah hasil positif dari segi penubuhan industri-industri di negara kita oleh pelabur-pelabur asing yang telah dicapai oleh rombongan ini?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sendiri telahpun mengemukakan soalan mengenai perkara ini untuk dijawab pada 18hb Oktober. Jadi kalau hendak saya jawab sekarang, dan dibenarkan saya akan jawab, kalau tidak, terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa rombongan ke luar negeri yang dilakukan oleh Kementerian berkenaan telahpun memberi suatu gambaran yang begitu baik untuk memajukan perindustrian dan perdagangan dalam negara kita. Dalam pada itu rombongan-rombongan yang bukan Kerajaan telah juga membuat lawatan ke luar negeri dan mereka ini telah memberi gambaran yang kurang baik dan telah menimbulkan suatu kekeliruan dari segi potential investors ke negara kita. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang iaitu sebelum pihak rombongan bukan

Kerajaan mengadakan lawatan ke luar negeri, mereka itu diberi satu orientasi ataupun satu taklimat (briefing) supaya rombongan Kerajaan dan rombongan bukan Kerajaan membuat cerita yang sama dan tidak bertelingkah dan bertentangan di antara satu dengan lain dan menimbulkan kekeliruan kepada potential investors.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini mengamalkan sistem ekonomi bebas atau "laissez-faire economy" dan juga banyak negara lain berbuat demikian, adalah sukar untuk kita menghalang sesuatu pihak itu pergi ke luar negeri untuk menjalankan perniagaan, melawat dan sebagainya. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin berlaku di antara sebilangan kecil kumpulan-kumpulan yang berkenaan yang sentiasa sama ada bersikap sebagai antinasionaal ataupun yang ingin memburukkan Kerajaan. Jadi, selain daripada usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian saya, iaitu dengan mengadakan "investment mission" yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri untuk membersihkan semua perkara yang buruk yang telah dikatakan oleh kumpulan yang kecil itu, kita juga melalui Pejabat-pejabat MIDA dan Pesuruhjaya Perdagangan, Kementerian Perdagangan di luar negeri sentiasa membuka telinga dan memberi laporan sekiranya perkara itu berlaku dan kalau ianya benar berlaku, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap pihak yang berkenaan itu.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sama ada beliau sedar bahawa rombongan-rombongan pelaburan yang pergi ke luar negeri dengan secara sendiri yang bukan diatur oleh pihak Kerajaan sengaja mengada-adakan cerita-cerita yang kurang baik berkenaan dengan potensi pelaburan di negara ini oleh kerana mereka mahu mewujudkan satu suasana di mana pihak pelabur daripada luar negeri yang hendak datang ke negara ini terpaksa bergantung kepada mereka ini dan kadangkala mereka ini pula sengaja menimbulkan satu suasana di mana pihak pelabur daripada luar negeri juga akan berasa takut untuk pergi ke luar bandar. Jadi dengan sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen sama ada pihak Kerajaan akan mengadakan dengan lebih banyak lagi misi-misi pelaburan ke luar negeri dengan hasrat untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini terutama sekali ke kawasan luar bandar.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, misi-misi ini akan terus diadakan dan sebagaimana yang kita tahu, keutamaan dari segi pembangunan dalam negara kita adalah di kawasan-kawasan yang kurang maju. Jadi adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk meletakkan industri-industri di kawasan-kawasan yang kurang maju, termasuklah kawasan luar bandar.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa misi perdagangan Malaysia ke luar negeri hanya membawa label dan bukan sample untuk dinikmati dan dipamerkan, akibatnya membawa kehampaan kepada mereka yang ingin membuat permintaan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini supaya barang-barang kita mendapat pasaran yang lebih baik?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya label apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau nenas, label nenaslah, bukan nenasnya. Ya, begitu Ahli Yang Berhormat dari Semerah?

Puan Shariffah Dora binti Mohammed: Betul.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mungkin perkara ini berlaku dan sebagai kebiasaan di dalam proses seperti kita hendak meminang seseorang itu, kita hantar wakil-wakil dahulu dan kemudian barulah kita hantar benda-benda yang berkenaan. Saya fikir ini adalah langkah yang pertama dan apabila sudah mendapat "positive reply" daripada pihak yang berkenaan, barulah kita hantar sampelnya. Kalau tidak nanti, kita expose diri kita dengan secepat mungkin; jadi saya berpendapat bahawa ini tidak menjatuhkan nama baik atau imej negara kita bahkan kita boleh follow-up dengan menghantar "sample" makanan ataupun hasil-hasil yang berkenaan.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu mengapa terlalu kerap dan banyak sekali rombongan-rombongan yang pergi keluar negeri pada hal kita mempunyai Pejabat-pejabat Suruhanjaya Perdagangan di beberapa negara dan kalau begitu harus kita persoalkan, apakah peranan mereka ini sebenarnya sehingga kita terpaksa membelanjakan wang begitu banyak dengan membuat rombongan yang banyak dan kerap-kali pula. Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya, tadi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional menimbulkan masalah ada kalangan-kalangan yang menyebut dari aspek-aspek yang negatif di dalam soal dasar perdagangan kita dan ini merisaukan mereka. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pelabur-pelabur itu sebenarnya orang yang cerdik dan mempunyai maklumat yang luas mengenai negara kita sebelum ia menanam modal. Dan kerana itu sudah tentulah mengkaji sesuatu dan tidaklah mereka itu terpengaruh dengan mudah kepada apa yang dikatakan oleh Kerajaan ataupun apa yang dikatakan oleh orang-orang lain dari aspek yang negatifnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan yang keduanya apa?

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: saya katakan tadi adakah Kementerian sedar, belum lagi sampai ke situ. Jadi adakah Kementerian yang berkenaan itu menggalakkan supaya dasar-dasar Kerajaan itu didedahkan kepada kritik-kritik supaya kita dapat mewujudkan suatu dasar yang benar-benar menarik kepada pelabur-pelabur asing itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya masih belum faham apa sebenarnya soalan yang kedua. Soalan yang pertama, berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh Pejabat-pejabat MIDA dan juga Pesuruhanjaya Perdagangan di luar negeri ataupun di merata dunia ini, adalah untuk menjadikan sebagai "point of contact" ataupun tempat permulaan. Bagi Pejabat MIDA ialah dari segi pelaburan daripada luar negeri ke negara kita ini, dan Pesuruhanjaya Perdagangan dari segi penjualan ataupun perdagangan, iaitu perdagangan daripada negeri kita ini keluar negeri.

Peranan yang mereka mainkan adalah berlainan dan untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan yang terbaru yang sebenarnya dan juga sebagaimana saya katakan tadi mengikis segala maklumat yang tidak baik yang telah dihamburkan oleh sebilangan kecil daripada anti-nasionalis, misi-misi yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri pergi keluar negeri untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya. Saya tidak bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan Yang Berhormat itu mengatakan mereka ini adalah orang yang bijak pandai yang tahukan keadaan di negara kita ini sepenuhnya, oleh kerana saya sendiri berpengalaman, banyak lagi pelabur-pelabur yang berkenaan yang tidak tahukan negara ini dan terpaksa kita menerangkan kepada mereka kedudukan yang sebenarnya.

PELARIAN INDO-CHINA

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah keputusan-keputusan positif telah dicapai oleh Malaysia di Persidangan Antarabangsa mengenai orang-orang pelarian Indo-China yang diadakan di Geneva baru-baru ini dari segi mencapai suatu penyelesaian yang kekal dan berperikemanusiaan kepada masalah orang-orang pelarian ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang tersebut telah pun diberi pada hari Isnin, 8hb Oktober, 1979 dahulu dan saya tidaklah berhajat memberi jawapan yang lain.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Dari jawapan yang diberi pada tempoh hari adalah mengenai orang-orang pelarian daripada Vietnam, ini orang-orang pelarian dari Indo-China termasuk Laos dan Kampuchea. Jadi saya ingin tahu sama ada orang-orang pelarian dari Laos, Kampuchea juga dibincang dalam Persidangan Antarabangsa itu dan sekiranya ada apakah Malaysia membuat satu pendirian atas penerimaan orang-orang pelarian dari Laos, Kampuchea termasuk juga Vietnam. Dan kalau ada membuat satu pendirian adakah sehingga hari ini Malaysia menerima orang-orang

pelarian dari Laos dan Kampuchea, jika ada, apakah bilangannya dan atas apa kriteria-kah orang-orang pelarian ini diterima, dan jika tidak diterima apakah juga alasan yang diberi oleh Kerajaan dan juga saya ingin tahu apakah sebab Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat soalan tambahannya, biar setakat itu dahulu.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi apa-apa jawapan tadi tentang soalan ini dan saya rasa tidaklah payah soalan tambahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kalau ada soalan tambahan yang berkait ini kena jugalah melainkan tidak ada jawapannya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Yang berkaitan dengan soalan hari ini telahpun diberi jawapan dan saya rasa tidaklah payah ada apa-apa soalan tambahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan tambahannya yang diberi dahulu ialah perkara Vietnam, tetapi ini Indo-China termasuk juga Kampuchea dan Laos. Jadi kalau ada jawapannya—beri jawapan, kalau tidak ada, beritahulah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis soalan ini atau diberi jawapan dengan bertulis.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak baca soalan itu dengan teliti barangkali, kerana soalan asal itu orang-orang pelarian Indo-China, jadi saya tidak tahu apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendakkan notis lagi, notis sudahpun diberi, soalan sudah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta notis, nanti dijawab dengan tulisan.

PESURUHJAYA PARLIMEN MENGENAI PENTADBIRAN (OMBUDSMAN)

11. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Biro Pengaduan Awam tidaklah begitu berkesan dalam mencegah salah pentadbiran

dalam Kerajaan, dan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk melantik seorang Ombudsman ataupun seorang Pesuruhjaya Parlimen mengenai Pentadbiran yang akan mempunyai kuasa yang luas untuk mencegah dan membentasi salah pentadbiran dalam Kerajaan yang timbul dari kelambatan, ketidaksopanan, prasangka (bias) ketidak-tahuan, ketidak bolehkan sikap bermaharajalela, diskriminasi, kelalaian sikap sewenang-wenang (arbitrariness) atau rasuah.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini Kerajaan adalah berpuashati dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri yang mana telah ditubuhkan dengan tujuan bagi merapatkan hubungan antara Kerajaan dengan orang ramai dan juga sebagai salah satu saluran untuk orang ramai mengemukakan kesulitan mereka berhubung dengan perkhidmatan Kerajaan atau mengenai sesuatu tindakan pentadbiran yang dirasakan tidak adil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1974 hingga tahun 1978 Biro itu telah mengendali sebanyak 10,887 aduan dan menyelesaikan 8,442 daripada aduan-aduan tersebut. Sebanyak 2,579 aduan pula adalah melibatkan perkara-perkara yang tidak jatuh di bawah kekuasaan Biro itu untuk diambil tindakan. Biro itu telah juga menerima surat penghargaan daripada pengadu-pengadu yang sangat berpuashati atas pertolongan dan khidmat yang telah diberikan. Di samping Biro Pengaduan Awam terdapat juga Biro Siasatan Negara, Jabatan Odit Negara dan Public Accounts Committee yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli dari parti Pembangkang yang boleh memainkan peranan masing-masing bagi membentasi perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Pada awal tahun 1968 Kerajaan telah mengundang seorang Ombudsman dari New Zealand iaitu Sir Guy Powles ke Malaysia untuk mengkaji keperluan dan kemungkinan menubuhkan satu sistem Ombudsman di Malaysia. Laporan Sir Guy Powles telah dikaji dengan teliti oleh Kerajaan dan Kerajaan mengambil keputusan bahawa sistem ini tidak begitu sesuai bagi Malaysia kerana keadaan sosial dan politik di negara ini

berlainan. Dengan itu Biro Pengaduan Awam telah dicadangkan dan diluluskan oleh Jumaah Menteri pada 2-3-1971.

Konsep Ombudsmen adalah satu konsep dari luar negeri mempunyai sejarah lebih 500 tahun dahulu dan ini tidaklah boleh secara melulu dicocokkan dalam sistem pemerintahan di negeri ini, tidaklah mesti kita mengikut sahaja apa yang orang buat di luar negeri, kita mesti membuat mengikut keadaan negeri kita sendiri. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk melantik seorang Ombudsman ataupun seorang Pesuruhjaya Parlimen untuk mencegah salah pentadbiran atau maladministration dalam Kerajaan seperti yang disyorkan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu mengatakan orang lain itu bodoh maka orang itu lebih bodoh lagi. Apakah Biro Pengaduan Awam ini ditubuhkan kerana mencegah salah pentadbiran di dalam Kerajaan atau bermaksud untuk menerima pengaduan rakyat bagi menyelesaikan masalah rakyat yang timbul bersabit dengan pentadbiran Kerajaan?

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, badan ini iaitu Biro Pengaduan Awam adalah bertugas untuk menerima sebarang pengaduan yang disampaikan oleh rakyat atau wakil-wakil rakyat atau siapa pun yang bersabit dengan jentera pentadbiran Jabatan-jabatan Kerajaan. Apabila pengaduan itu kita terima tentulah kita kaji dan mana yang sesuai dan benar didapati bahawa sesuatu Jabatan itu lemah, maka kita memberi arahan kepada Jabatan yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu. Dan ini hanyalah terbatas kepada Jabatan-jabatan Kerajaan.

PENDATANG HARAM DARI INDONESIA

12. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan bagaimana lebih kurang 12,000 pendatang-pendatang haram dari Indonesia dapat masuk ke negara kita untuk bekerja di hutan-hutan dan rancangan-rancangan tanah FELDA di Negeri Johor, Pahang dan di lain-lain negeri tanpa pengetahuan Jabatan Immigresen dan nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah sedar bahawa ada orang-orang yang masuk dengan secara haram dan bekerja di negara ini tanpa kebenaran khususnya sebagai buruh-buruh kasar. Kerajaan bukan sahaja sentiasa mengambil tindakan untuk mencegah mereka itu dari bekerja dan juga Kerajaan bertindak untuk mengawal kemasukan mereka itu. Pemeriksaan-pemeriksaan mengejut sentiasa dibuat di kawasan-kawasan yang disyaki dan juga apabila menerima maklumat-maklumat dan di sini sukalah saya minta Ahli Yang Berhormat haruslah memberi kerjasama di dalam memberi maklumat ini.

Mereka ini sentiasa diambil tindakan menurut undang-undang dan peraturan iaitu mereka ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dan seterusnya diusir keluar. Umpamanya pada tahun 1978 seramai 881 orang yang berasal dari Indonesia telah ditangkap. Dari jumlah ini seramai 210 orang telah didakwa dan diusir keluar manakala seramai 571 orang lagi itu terus diusir. Dan dalam tahun 1979 ini sehingga bulan Julai seramai 889 orang telah ditangkap dan dari jumlah ini 701 orang telahpun didakwa dan diusir keluar manakala sebanyak 119 orang diusir terus, dan baki sebanyak 69 orang sedang disiasat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan perkara ini pihak Immigresen sentiasa memperketatkan kawalan-kawalan. Begitulah juga kerjasama didapati daripada pasukan keselamatan untuk membuat rondaan di sepanjang perairan dan juga perbatasan negara kita ini. Bagi tujuan ini sebanyak 82 buah bot telahpun digunakan dan juga Kerajaan telahpun memesan sebanyak 4 buah kapal terbang bagi tujuan rondaan udara. Kerjasama yang erat juga adalah diperolehi daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura.

Di samping itu Bahagian Penguatkuasa Immigresen telahpun ditambah tenaga barunya menjadikan kekuatannya sekarang ini berjumlah 104 orang. Pihak Kerajaan memang mengesyaki perkara ini dilakukan oleh sindikit dan masalah ini adalah sulit untuk diatasi. Pihak berkuasa sentiasa mencari ikhtiar untuk mematah dan menghapuskan sindikit-sindikit ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menakjubkan ialah nampak benar seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu hampir sekali dengan

sindikit tersebut kerana beliau sungguh tahu menahu tentang hal ini. Kalaupun sudah tahu kenapakah hal ini tidak dilaporkan kepada pihak Polis bukan dibawa ke Parlimen ini untuk menarik perhatian. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab saya rasa Ahli Yang Berhormat sepatutnya memberi segala butir dan kerjasama kepada pihak Polis bagi membantu Polis dan juga Immigresen untuk mencegah keadaan yang telah terjadi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

ROMPAKAN LAUT DI PERAIRAN SABAH

13. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang banyaknya kes-kes rompakan laut di Sabah baru-baru ini, jika ya sama ada beliau akan membekalkan nelayan-nelayan di sana dengan alat perhubungan radio supaya mereka dapat menghubungi pihak Polis di Tambisan, Sandakan, Lahad Datu, Terusan, Sugut atau Jambongan jika mereka diserang oleh lanun dan melengkapkan senjata untuk mempertahankan diri mereka memandangkan bahawa lanun-lanun ini bersenjatakan senapang, mesingun, motar dan juga bom tangan, atau meminta bantuan Polis Laut supaya mempergiatkan lagi rondaan mereka demi keselamatan nelayan-nelayan di sana.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan memang sedar tentang adanya kejadian-kejadian rompakan oleh lanun-lanun di perairan Sabah dan Polis Laut telahpun dan akan terus mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mengelakkan berlakunya kejadian tersebut. Cara-cara dan peraturan baru sentiasa difikirkan bagi mengelakkan bakal lanun menjalankan kegiatannya dan melindungi nelayan dari menjadi mangsa.

Tindakan-tindakan itu telah memberi kesan kerana angka-angka menunjukkan bahawa kejadian ini bukanlah banyak seperti yang didakwa tapi telah berkurangan. Misalnya dalam tahun 1978 terdapat 14 kes rompakan dan dalam tahun ini (1979) sehingga

31hb Ogos, 1979 hanya terdapat 5 kes sahaja. Memandangkan kepada keadaan yang dapat dikawal dan tindakan oleh pihak berkuasa; adalah difikirkan tidak perlu bagi nelayan-nelayan di negeri tersebut dilengkapkan dengan alat-alat perhubungan ataupun senjata. Malah saya kurang yakin bahawa cadangan untuk melengkapkan nelayan dengan senjata dapat melindungi mereka—sebaliknya ini akan lebih membahayakan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu bahawa semenjak tahun 1978 sehingga akhir Ogos, 1979 pihak Polis Laut telah berjaya menangkap seramai 23 orang lanun.

TIKET KAPALTERBANG KELAS SATU BAGI AHLI-AHLI PARLIMEN

14. Datuk Stephen R. Evans minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Ahli-ahli Parlimen akan diberi tiket kapal terbang kelas satu apabila mereka melawat luar negeri sebagai Perwakilan Parlimen oleh kerana kemudahan seperti ini tidak diberikan kepada mereka sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Kerajaan telahpun menetapkan bahawa Ahli-ahli Parlimen diberikan tambang kelas ekonomi bagi perjalanan resmi keluar negeri. Walaupun demikian, bagi Ahli-ahli Parlimen yang ditugaskan mengetuai sesuatu rombongan resmi, mereka diberi tambang kelas satu.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

MAJALLAH ASIA WEEK

3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) supaya meminta bahawa Majlis ditangguhkan untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan dan usul saya yang akan berbunyi:

“Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat Lim Kit Siang, mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis

Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan iaitu pengharaman yang dikenakan secara sewenang-wenang ke atas keluaran terbaru majalah berita mingguan *Asia Week* untuk minggu yang berakhir pada 12hb Oktober, 1979 kerana menyiarkan satu laporan mengenai hak-hak manusia di Malaysia yang dikeluarkan oleh Gabungan Antarabangsa (Amnesty International) berhalaman sebanyak 67 muka—gabungan yang memenangi hadiah kedamaian Nobel;

Bahawa perkara ini adalah tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan kerana—

- (i) Pengharaman yang dikenakan ke atas keluaran terbaru majalah *Asia Week* kerana memuatkan satu laporan yang sungguh ringan (mild) mengenai laporan yang sangat "devastating" Amnesty International berkaitan dengan pencabulan hak-hak asasi di Malaysia bukan sahaja menunjukkan kekurangan kebebasan akhbar di negeri ini bahkan juga menunjukkan ketidakupayaan Kerajaan untuk mempertahankan rekodnya mengenai hak-hak manusia atau menangkis tuduhan-tuduhan yang serius yang berdetail Amnesty International tentang pencabulan hak-hak manusia termasuk tuduhan-tuduhan mengenai penyiksaan di Malaysia;
- (ii) bahawa Parlimen mempunyai tugas dan tanggungjawab demi kepentingan rakyat dan negara untuk menuntut satu penjelasan yang penuh dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebab-sebab mengapa pengharaman dikenakan ke atas keluaran terbaharu Majalah *Asia Week* serta juga atas laporan Amnesty International mengenai pencabulan hak-hak manusia di Malaysia;
- (iii) bahawa kepentingan orang ramai tidak akan diperlindungi atau "deserve" dengan mengharamkan keluaran terbaharu majalah *Asia Week* serta juga laporan Amnesty International untuk menjadikan rakyat Malaysia supaya tidak sedar tentang dokumentasi pencabulan hak-hak asasi sedangkan seluruh dunia sedar

akan laporan tersebut, malah kepentingan orang ramai akan hanya dimajukan dengan membenarkan rakyat menghakimkan bersama dengan jawapan Kerajaan kepada laporan Amnesty International itu sama ada berbagai-bagai tuduhan yang serius mengenai pencabulan hak-hak manusia di Malaysia adalah benar atau tidak."

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima surat daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang dari kawasan Petaling di bawah Peraturan 18 (1) dan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1) ini saya hendaklah puas hati ada tiga perkara iaitu pertama perkara itu tertentu; kedua perkara itu untuk kepentingan orang ramai; ketiga perkara itu hendaklah disegerakan dan tadi juga saya telah meminta Kementerian mengirimi kepada saya Majalah itu kerana naskah saya tidak sampai ke rumah, saya pun tidak tahu mengapa sebelum daripada itu tidak dapat dan sebelum saya hendak memberi apa-apa pandangan dan keputusan di sini terpaksa saya meminta satu naskah dan telah dikirimi kepada saya dan saya telah mengkaji naskah itu dan saya berpuas hati bahawa perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini ialah satu perkara tertentu oleh kerana *Asia Week* yang berkenaan ini mengandungi laporan Amnesty International yang telah diharamkan.

Laporan Amnesty International ini telah pun dilarang (proscribed) di bawah Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 melalui Warta Kerajaan yang ada kita baca iaitu P.U. (A) 197 pada 30hb Ogos, 1979. Maka berikutan dengan perintah larangan ini, sesiapa yang memiliki laporan itu atau sebahagian daripadanya atau extract adalah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta Keselamatan Dalam Negeri. Perkara itu adalah perkara tertentu.

Perkara kedua yang saya hendak puas hati ialah perkara ini untuk kepentingan orang ramai. Memang perkara ini perlu dari segi kepentingan orang ramai kerana Majalah ini sudah diharamkan tetapi saya berpendapat adalah bukan untuk kepentingan orang ramai ditangguhkan Dewan ini untuk digunakan bagi membahaskan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1). Itu saya tidak dapat hendak menerima sebagai satu perkara untuk

kepentingan orang ramai semoga dibahaskan dan ditangguh Dewan ini untuk membahaskan perkara ini.

Perkara yang ketiga ialah hendaklah perkara ini disegerakan dan saya tidak mendapati apa-apa sebab dalam surat ini pun bagaimana yang telah dibaca oleh Yang Berhormat tadi, sendiri tidak menyebutkan perkara ini patut disegerakan dan oleh sebab juga pada 22hb Oktober ini ada satu pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri minta menyatakan sama ada laporan mengenai hak-hak manusia di Malaysia oleh gabungan Amnesty International itu yang memenangi hadiah kedamaian nobel telah diharamkan. Memang perkara ini akan dibawa pada 22hb Oktober ini. Jadi saya tidak nampak perkara ini perlu disegerakan hingga ditangguhkan Dewan ini. Oleh yang demikian cadangan atas Usul Yang Berhormat dari Petaling di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) ini tidak dapat diterima dan ditolak.

Tuan Lim Kit Siang: Yang di-Pertua ada membuat satu kesalahan oleh kerana membaca *Asia Week* yang telah diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat yang membuat salah dahulu. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum baca.

Tuan Yang di-Pertua: Mana tahu ada diharamkan?

Tuan Lim Kit Siang: Itu rahsia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bawa dia dalam Dewan ini. Di sini immune.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb Oktober, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meneruskan jawapannya pada hari semalam.

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, sebelum dijemput saya sudah berdiri dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu namanya duduk sebelum berlunjur.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Minta maaf. Dalam menggulung perbahasan pada petang kelmarin saya telah banyak mengulas dan memberi jawapan setakat yang boleh kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menimbulkan rasa tidak senang hati mengenai penjualan beleluasa ubat di kedai yang tidak berlesen dan supaya ianya dikawal.

Tuan Yang di-pertua, mengikut undang-undang Poisons Ordinance hanya kedai-kedai yang mempunyai lesen untuk menjual ubat beracun yang berjadual sahaja boleh menjual ubat seperti itu dan penjualan ubat-ubat beracun yang berjadual yang menghendaki penilaian doktor-doktor ataupun prescription adalah direkod dalam buku tertentu yang mana adalah diperiksa oleh pihak Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa. Dengan cara ini dapatlah Kementerian Kesihatan mengawal penjualan ubat beracun yang berjadual ini.

Bagi kedai-kedai yang tidak berlesen yang dijangka menjual ubat-ubat beracun yang berjadual, Yunit Penguatkuasa Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan serbuan di seluruh negara dan sebagai contoh pada bulan Julai, 1978 hingga Jun 1979 iaitu dalam masa setahun 200 buah kedai telah digeledah dan diserbu dan bilangan 1,551 item perkakas ubat telah dirampas yang mempunyai harga lebih kurang \$162,000. Pada bulan Julai, 1979 hingga September, 1979 iaitu selama 3 bulan sahaja 62 buah kedai ubat telah digeledah atau diserbu dan sebanyak 1,289 item ubat telah dirampas yang berharga lebih kurang \$96,579.

Angka-angka ini menunjukkan bahawa Unit Penguatkuasa Kementerian Kesihatan telah meningkatkan lagi kawalan terhadap kedai-kedai yang memiliki ubat beracun yang berjual secara haram.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh pada hari kelmarin telah meminta supaya pihak Kementerian menubuhkan Instituit Perubatan Tradisional dan juga supaya Kementerian ini mengkaji kesan-kesan mengenai bahan-bahan ubat tradisional. Seperti yang saya katakan kelmarin, Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah baik, akan tetapi setakat ini pihak Kementerian Kesihatan, saya rasa tidak mempunyai keupayaan untuk menubuhkan instituit seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, oleh kerana ianya tidak mempunyai kakitangan yang berkelayakan. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa aktiviti-aktiviti penyelidikan mengenai ubat-ubat tradisional ini tidak dijalankan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kerja permulaan untuk menentukan tentang kesan pharmacological and microbiological beberapa jenis ubat herba sedang dilaksanakan di Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh juga telah mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan mengadakan satu sistem di mana ubat-ubat tertentu sahaja mendapat seal of approval daripada Kementerian Kesihatan dan akan dapat dipasarkan.

Sukacita saya merujuk kepada apa yang saya sebut kelmarin iaitu adalah menjadi hasrat Kementerian ini untuk menubuhkan Badan Mengawas Ubat-ubat (Drugs Control Authority) dan adalah juga menjadi hasrat Drugs Control Authority ini nanti menyiasat tentang hal berkenaan dengan ubat-ubat yang dipasarkan dalam negeri sebagai satu perkara yang penting dan saya percaya itulah satu sekim di mana ubat-ubat yang telah diluluskan sahaja dapat dipasarkan. Beliau juga telah menyebut supaya kita mengeksploitasi kemudahan-kemudahan mass-media sebagai satu cara untuk menyebarkan pelajaran kesihatan iaitu menerusi TV. Saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk memuji cadangan yang baik ini iaitu menggunakan TV, untuk menyampaikan pelajaran kesihatan dan perkara yang berkaitan dengan ubat-ubat. Saya ucapkan terima kasih.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada mempunyai satu seksyen ataupun division Pelajaran Kesihatan yang dianggotai oleh para professional dan pihak Kementerian Kesihatan telah menyampaikan beberapa rancangan seperti ceramah menerusi radio ke atas perkara ubat-ubat misalnya kesan ubat-ubat, cara menyimpan ubat di rumah-rumah. Akan tetapi setakat ini pihak Kementerian Kesihatan belum ada lagi menyampaikan pelajaran kesihatan secara umum melalui TV. Adalah diharap Kementerian ini akan dapat mengadakan rancangan yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu seperti syarahan-syarahan di TV dan penerangan yang berbentuk filem penerangan pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah membuat beberapa cadangan yang baik iaitu mengenai garis panduan dalam masalah pengiklanan ubat-ubat ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya menghentikan iklan yang menakutkan orang ramai, umpamanya kalau tidak mengguna ubat tertentu kita akan menghadapi sakit yang lebih teruk. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan telah mengadakan satu guide-line ataupun garis-garis panduan bagi iklan-iklan ubat dan garis-garis panduan ini adalah sangat panjang hendak dibaca, saya minta kebenaran supaya tidak perlu dibaca. Kalau Ahli Yang Berhormat menghendakinya, saya boleh beri, ada lima muka dan tentulah mengambil masa yang panjang. Jadi sukalah saya menyatakan di sini cadangan yang baik itu sebenarnya telah diambil tindakan oleh pihak Kementerian Kesihatan, kerana adalah penting bagi kita menentukan bahawa iklan-iklan hendaklah jangan mengelirukan dan hendaklah merupakan satu perkara yang benar.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menimbulkan iklan-iklan menerusi tayangan TV yang mana memberikan satu gambaran bahawa ubat itu adalah merupakan ubat ajaib yang memberi immediate effect umpamanya saya ingat, kalau tidak salah saya beliau telah menyebut "Mopiko".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Lembaga Iklan Ubat ini mempunyai syarat-syarat tertentu tetapi di dalam melaksanakan iklan menerusi TV, kita menghadapi sedikit technical problem, umpamanya, dalam

mengiklankan satu ubat katakanlah "X". Kita tidak mahu supaya orang ramai mendapat pengertian atau satu gambaran bahawa selepas kita makan ubat itu terus sembuh serta-merta. Tetapi ini susah hendak dilaksanakan di dalam TV kerana masa iklan itu hanya mengambil masa beberapa second sahaja. Walau bagaimanapun, semua syarat-syarat ini adalah dimasukkan di dalam garis panduan dan segala iklan-iklan itu mesti mengikut garis-garis yang ditentukan sebelum ianya dapat diterima.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pihak Kementerian Kesihatan memberi perhatian kepada iklan-iklan yang memberi gambaran mengaitkan orang-orang professional seperti doktor-doktor, doktor gigi, jururawat dan sebagainya dengan iklan ubat yang mana boleh membawa kesan yang tidak baik. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa adalah menjadi professional ethic satu-satu profession itu tidak membenarkan seorang professional itu mengkaitkan diri mereka dengan iklan-iklan yang tertentu. Selain daripada itu juga perkara ini ada disebutkan di dalam garis panduan ini yang mana menegahkan para professional ataupun orang kenamaan mengaitkan nama mereka di dalam iklan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telah mencadangkan supaya penjual-ubut-ubut hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan. Cadangan ini mempunyai hasrat yang baik walau bagaimanapun di dalam keadaan yang ada sekarang di Malaysia ini yang mana kita mengalami kekurangan tenaga professional dalam bahagian farmasi, saya rasa adalah sukar bagi kita melaksanakan cadangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Pada masa ini beberapa negara yang maju seperti di Eropah dan beberapa negara lain penjualan ubat tertentu oleh penjual-penjual yang tidak mempunyai kelayakan masih lagi dibenarkan. Walau bagaimanapun pihak Unit Penguatkuasa Kementerian Kesihatan dan pihak Kementerian Kesihatan sendiri pada keseluruhannya sentiasa mengawal setakat yang boleh penjualan ubat-ubut ini. Aktiviti-aktiviti unit tersebut telahpun saya sebutkan sebentar tadi.

Mengenai cadangan supaya pihak Kementerian Kesihatan memberi perhatian yang berat terhadap penjualan pil-pil perancang

keluarga dan alat-alat perancang keluarga dan meminta supaya dimasukkan segala jenis perkara yang ada hubungannya dengan perancang keluarga, saya rasa, dalam Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) hanya meliputi bahan-bahan ubat sahaja dan tidak meliputi bahan-bahan lain sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian ke atas cadangan yang baik itu dan perkara ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Kelmarin Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan ubat bungkus yang dimakan satu pagi, satu petang yang mendatangkan ketagihan, kalau dapat saya minta kerjasama Ahli Yang Berhormat supaya mendapatkan nama atau contoh (sample) ubat itu, kalau dapat, dapatkan ubat itu sendiri dan berikan kepada saya ataupun pihak pegawai Kementerian Kesihatan supaya ubat tersebut akan dapat dianalisa dan supaya dapat ditentukan sama ada ianya mengandungi bahan-bahan yang merbahaya kepada manusia dan seterusnya supaya tindakan sewajarnya akan dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyuarakan mengenai pengawalan penjualan ubat dalam negeri ini yang terlalu longgar jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju. Saya telahpun menyebutkan tentang kekurangan tenaga professional dalam perkara mengadakan serbuan-serbuan di seluruh negara di mana aktiviti-aktiviti ini berjalan dengan lebih berkesan. Angka-angka yang telah saya sebutkan tadi telah menunjukkan aktiviti-aktiviti ini adalah berkembang.

Mengenai penjualan dan penggunaan pil-pil Perancang Keluarga selain daripada aspek penguatkuasaan undang-undang tertentu, saya suka menyentuh tentang aspek pelajaran kesihatan. Perkara ini adalah mustahak iaitu pil-pil itu patut digunakan di bawah penyeliaan pegawai perubatan oleh kerana memang betul di antara pil inilah boleh membahayakan kesihatan jika disalahgunakan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah merbahaya kalau seorang itu memakan pil perancang keluarga tanpa mendapat pemeriksaan daripada doktor terlebih dahulu. Oleh yang demikian, saya merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat yang berpengalaman luas pada masa melawat kawasan masing-masing menyampaikan

amaran dalam aspek pelajaran kesihatan tentang bahayanya penggunaan pil-pil itu tanpa penyeliaan perubatan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian ini memberi perhatian kepada perkara di mana orang yang membuka klinik dengan menggunakan keahlian orang lain, sukacita saya jika kiranya Yang Berhormat dapat memberikan butir-butir yang lengkap kepada saya supaya satu penyiasatan dapat dijalankan.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya, dan perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab di sini, insya Allah kita akan ambil perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977" dibacakan bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, Dewan ini telah pun meluluskan suatu Rang Undang-undang yang bernama

"Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1976" yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini pada bulan Disember, 1976. Akta ini yang telah berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1975 bertujuan untuk mengadakan suatu sumber kewangan kepada negeri-negeri bagi membantu mereka dalam usaha-usaha pembangunan Negeri masing-masing. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemberian ini adalah dibuat sekiranya kadar pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangannya melebihi sepuluh peratus (10%) daripada hasil tahun sebelumnya. Semenjak Akta ini mula berkuatkuasa, Kerajaan Persekutuan telah mendapati bahawa kadar pertambahan hasil Persekutuan bagi satu-satu tahun itu jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya telah turun naik diparas 10%. Misalnya kadar pertambahan hasil bagi tahun 1978 jika dibandingkan dengan tahun 1977 telah bertambah hanya sebanyak 8.9% sahaja. Ini bermakna pada tahun tersebut pemberian ini tidaklah dapat dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya asas pemberian sekarang yang bergantung kepada pertambahan hasil Persekutuan yang melebihi 10% itu dipinda untuk membolehkan pemberian ini dibahagi-bahagikan juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri apabila sahaja terdapat sebarang pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangan, sebagaimana yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini. Pindaan ini akan menjamin bahawa pemberian ini boleh dibuat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri pada tiap-tiap tahun.

Selain daripada itu, jumlah pemberian ini dicadangkan juga dipinda daripada lima puluh juta ringgit kepada jumlah yang tidak melebihi seratus juta ringgit. Daripada jumlah ini, sebanyak tidak lebih dari lima puluh juta ringgit akan dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut formula yang berkuatkuasa sekarang; manakala bakinya sebanyak lima puluh juta ringgit lagi itu akan dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut satu formula baru yang berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar sebagaimana yang dinyatakan di bawah Fasal 5 Rang

Undang-undang ini. Had maksima bagi kedua-dua pemberian ini boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah saya menyentuh sedikit mengenai pemberian baru ini yang berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Seperti yang kita semua maklum, Keluaran Dalam Negeri Kasar ini merupakan satu asas yang boleh menunjukkan peringkat pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri. Oleh itu Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa dengan menggunakan Keluaran Dalam Negeri Kasar sebagai satu asas untuk menentukan jumlah pembahagian pemberian ini adalah sesuai untuk membantu Negeri-negeri yang kurang maju.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatikan, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya tujuan kegunaan pemberian yang tidak melebihi lima puluh juta ringgit di bawah formula sekarang, yang disyaratkan untuk tujuan pembangunan, dipinda supaya boleh digunakan juga untuk perbelanjaan mengurus. Tujuannya ialah bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya Negeri-negeri yang kurang maju, menampung perbelanjaan mengurusnya yang semakin meningkat dari setahun ke setahun berikutan dengan pembangunan yang semakin meningkat dengan pesatnya di tiap-tiap Negeri. Manakala pemberian baru yang tidak melebihi lima puluh juta ringgit yang berdasarkan kepada formula Keluaran Dalam Negeri Kasar pula adalah bertujuan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat menggunakannya untuk membiayai projek-projek pembangunan seperti bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan, kerjakerja pembangunan kecil dan lain-lain projek pembangunan yang akan ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara dari semasa ke semasa.

Adalah dicadangkan bahawa pindaan kepada formula yang ada sekarang dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1978 bagi membolehkan juga Kerajaan-kerajaan Negeri menikmati pemberian ini bagi tahun 1978. Berkenaan dengan pemberian mengikut formula baru yang berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pula dicadangkan tarikh kuatkuasanya bermula pada 1hb Januari, 1980 supaya pemberian ini bolehlah dibuat bagi tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa tujuan pindaan-pindaan dicadangkan ini adalah bukan sahaja

untuk menampung perbelanjaan mengurus bagi semua negeri-negeri tetapi juga untuk membantu negeri-negeri yang kurang maju bagi tujuan-tujuan pembangunan. Tujuan utama pemberian baru yang berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar ini adalah khusus untuk membolehkan negeri-negeri yang kurang maju mempergiatkan lagi usaha-usaha pembangunannya semoga jurang perbezaan peringkat pembangunan di antara negeri-negeri dapat dikurangkan. Dengan demikian, pemberian ini juga akan merupakan satu sumber kewangan baru kepada negeri-negeri yang kurang maju.

Adalah diharapkan dengan punca kewangan ini dapatlah negeri-negeri itu membiayai rancangan-rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang akan bermula pada tahun 1981. Seperti yang sedia dimaklum adalah matlamat Kerajaan untuk mewujudkan pembangunan ekonomi dan sosio-ekonomi yang lebih seimbang, bukan sahaja di antara negeri-negeri tetapi juga di antara kawasan-kawasan dan wilayah. Maka dengan pindaan-pindaan kepada Akta Pemberian Pertambahan Hasil ini maka akan membantu mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan Persekutuan sentiasa berikhtiar untuk menambahkan pemberian-pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi suka saya menegaskan di sini betapa pentingnya bagi Kerajaan-kerajaan Negeri berusaha untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka dengan meningkatkan kutipan hasil, mencari punca-punca hasil baru dan juga mengawal perbelanjaan serta mengelakkan daripada membuat perbelanjaan yang kurang memberi kesan kepada pembangunan. Adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya negeri-negeri yang kurang maju yang akan menikmati pemberian baru ini, iaitu di bawah pindaan yang dicadangkan ini akan dapat melaksanakan projek-projek pembangunan mereka dengan lebih lancar dan berkesan demi untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta

Pemberian Pertambahan Hasil, 1977 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput dahulu Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

4.14 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan), 1979.

Dalam masa yang singkat sejak kuatkuasanya Akta Ibu tahun 1977 pada hakikatnya adalah nyata bahawa pertambahan peruntukan adalah perlu hasil kajian yang dibuat pada tiap-tiap tahun. Penduduk Malaysia bertambah dengan kadar 3% setahun, walaupun kadar ini dianggap tidak tinggi, patut juga dikawal supaya kadar tambahan penduduk tidak bertambah dengan banyaknya.

Punca hasil yang besar negara kita sekarang selain daripada getah dan bijih timah ialah minyak dan kelapa sawit. Terbukti bahawa hasil minyak mentah kita adalah keluaran yang terbaik, iaitu jenis mutu yang tinggi jika dibandingkan dengan minyak mentah dari negara-negara Arab sendiri. Ini tentu menguntungkan kita dari segi pertukaran luar negeri.

Adalah jelas bahawa disebabkan krisis minyak yang berlarutan di Timur Tengah menyebabkan negara-negara perindustrian, terutama kuasa-kuasa besar memikirkan apakah jalan keluar untuk menggantikan penggunaan terlalu besar kepada minyak. Hakikat dari krisis minyak ini juga pasaran kelapa sawit telah mendapat tempat yang istimewa dalam pasaran antarabangsa. Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar minyak kelapa sawit mendapat perolehan yang tinggi, hasil dari itu Malaysia telah menambahkan lagi pendapatan negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertambahan perolehan bahan-bahan tempatan kita maka kita yakin ianya akan menjamin kestabilan pasaran antarabangsa. Apabila ini dapat terjamin maka pendapatan negara tetap kokoh dan kuat. Kita percaya bahawa pemberian pertambahan ini adalah hasil daripada kekokohan ekonomi negara di samping perolehan pendapatan negara yang tinggi. Dengan kerana itu saya mengesyorkan bahawa negeri-negeri yang kurang maju, terutama sekali negeri di Pantai Timur

khususnya negeri Kelantan di mana peruntukan pemberian tambahan ini hendaklah dilipatgandakan lagi kerana negeri Kelantan memerlukan peruntukan yang lebih besar dari yang sepatutnya diperuntukkan untuk membangunkan negeri itu yang telah ketinggalan begitu jauh dari segi pembangunan disebabkan negeri itu diperintah oleh Kerajaan PAS dahulu, maka pembangunan tidaklah begitu rancak sepertimana yang dinikmati oleh negeri-negeri lain. Namun demikian, saya mengharapkan bahawa dengan peruntukan pertambahan yang baru ini ianya akan dapat ditambahkan lagi dengan berlipat kali ganda, terutama sekali yang perlu ditekankan ialah projek-projek pembangunan jalan-jalanraya, mengubah dan membanyakkan kawasan-kawasan perindustrian yang bukan sahaja dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan tetapi juga dapat mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belia, di samping kemajuan yang dicapai itu akan selaras dengan kemajuan yang dicapai oleh negeri-negeri di Pantai Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan bahawa peruntukan tambahan yang baru ini akan dapat membangunkan dan menggerakkan pembangunan di negeri Kelantan. Alhamdulillah sejak akhir-akhir ini barulah nampak perubahan yang sangat nyata. Ini meyakinkan saya bahawa ketinggalan projek-projek pembangunan mestilah ditingkatkan lagi dari paras biasa.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara, kemudahan pengangkutan jalanraya di Pantai Timur hendaklah mendapat keutamaan. Dengan adanya keutamaan pengangkutan jalanraya ini ianya boleh memberi perubahan yang besar di sana. Kita haruslah meninjau tentang peristiwa yang berlaku mengenai pembahagian bahan-bahan binaan di Pantai Timur sedikit hari dahulu yang konon ceritanya bahan-bahan binaan tidak mencukupi. Apa yang sebenarnya bahan-bahan binaan adalah mencukupi tetapi kos pengangkutan untuk membawa balik barang-barang dagangan tidak ada atau tidak mencukupi dan dengan kerana itu lori-lori tidak mahu menghantar bahan-bahan binaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini bahawa pertambahan pemberian berdasarkan tiap-tiap

kepala bagi negeri Kelantan hendak dilipat-gandakan supaya penduduk-penduduk di sana mendapat faedah yang lebih dari apa yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.21 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya ingin memberi sedikit komen mengenai Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Speaker, adalah menjadi tujuan Akta Pindaan ini untuk membolehkan Menteri yang berkenaan memperuntukkan dan membahagi-bahagikan suatu amaun tidak melebihi \$100 juta sebagai pemberian kepada negeri-negeri bagi tujuan projek-projek pembangunan apabila terdapat tambahan hasil Kerajaan Persekutuan.

Kalau sekiranya Akta Pindaan ini bertujuan sebagai cara atau jalan memberi atau membahagi-bahagikan hasil kepada Kerajaan Negeri atas dasar persamaan penduduk, perkara ini adalah sangat dialu-alukan. Akan tetapi adalah sangat penting—itu ialah pandangan saya, bahawa dalam membuat pembahagian ini Kerajaan Persekutuan patutlah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa pembahagian ini adalah benar-benar bertujuan baik dan produktif serta memberi faedah kepada rakyat di dalam negeri-negeri yang berkenaan. Memandangkan kepada faktor ini dan juga memandangkan kepada faktor bahawa sejumlah besar perbelanjaan awam terlibat dalam pemberian ini, Kerajaan Persekutuan mestilah menentukan bahawa pemberian-pemberian ini dipergunakan untuk projek-projek yang benar-benar memberi manfaat kepada negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Speaker, dalam konteks ini iaitu sebagai maksud Rang Undang-undang Pindaan ini adalah sangat-sangat diharapkan bahawa negeri-negeri berkenaan mampu menyusun serta melaksanakan rancangan-rancangan yang positif dan mengikut

keutamaan (priority) bagi tujuan pembangunan dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat di tiap-tiap negeri itu.

Saya mengetahui bahawa pemberian ini kepada Kerajaan Negeri adalah bermaksud sebagai tambahan hasil negeri-negeri berkenaan dan pemberian kepada Kerajaan Negeri itu hendaklah digunakan untuk salah satu atau ke semua maksud-maksud pembangunan yang tertentu seperti berikut:

- (a) Bekalan air;
- (b) Perumahan awam;
- (c) Kemajuan tanah perusahaan;
- (d) Kerja-kerja kecil; dan
- (e) Apa-apa projek pembangunan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kewangan Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, oleh itu saya suka mencadangkan bahawa sebuah Kerajaan Negeri yang diperuntukkan pemberian ini dapat memberikan keutamaan kepada projek-projek perumahan harga murah apabila menggariskan rancangan pembangunan mereka, terutama sekali kepada negeri-negeri yang mempunyai ramai penduduk seperti negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan saya berharap bahawa projek untuk rumah kos rendah dapat diutamakan.

Perumahan menjadi satu keperluan sosio-ekonomi yang utama dan adalah menjadi tanggungjawab semua Kerajaan Negeri memberikan keutamaan dalam menyelesaikan masalah ini.

Bekalan air juga menjadi keperluan sosio-ekonomi utama. Dengan ini Kerajaan Negeri mestilah menggunakan pemberian ini sebaik-baiknya serta menentukan bekalan air yang cukup untuk kegunaan awam terutama kawasan yang sesak. Dalam hal ini kampung-kampung, kampung-kampung baru dan kawasan ladang atau estet-estet hendaklah dibekalkan dengan paip air awam (public stand pipe) yang tidak terdapat paip air ataupun di kawasan-kawasan yang kekurangan jumlahnya.

Tuan Speaker, semua Kerajaan Negeri mestilah juga mempergunakan pemberian ini untuk menambah dan memperbanyakkan punca-punca bekalan air untuk kegunaan umum supaya orang ramai tidak lagi menghadapi betapa susahnya semasa krisis kekurangan air berlaku. Di samping itu

Kerajaan Negeri mestilah juga mempergunakan pemberian yang diperuntukkan membuka dan menyediakan lagi kawasan perusahaan supaya lebih banyak lagi perusahaan-perusahaan didirikan dan sedikit sebanyak dapat memberi dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru kepada orang ramai sebagai salah satu langkah untuk mengatasi ataupun mengurangkan masalah pengangguran di negara kita.

Tuan Speaker, perusahaan ringan ialah satu perusahaan yang mustahak dan pada pendapat saya perusahaan ringan juga boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara tetapi sayangnya Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam negara ini tidak memberikan perhatian serius kepada perkara ini. Saya berharap bahawa tanah-tanah baru dapat dibuka lebih banyak lagi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk industri-industri kecil yang dimiliki oleh ahli-ahli perniagaan kecil yang baru ada menceburkan diri dalam bidang industri.

Akhirnya, Tuan Speaker, izinkan saya menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang Pindaan ini akan mencapai atau menuju kepada matlamat-matlamat sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat merancang dengan sebaik-baiknya berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan kepada rakyat dan negeri daripada keseluruhannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.29 pgt.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas murah hati Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk memberi sepatah dua pandangan dan pendapat berhubung dengan Akta Pindaan ini.

Saya menyambut baik pindaan ini oleh kerana kebetulannya saya datang daripada sebuah negeri yang boleh dikatakan mundur.

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyuarakan Kelantan telah ketinggalan dalam pembangunan oleh kerana 19 tahun diperintah oleh PAS, sekarang baru hendak membangun, saya rasa negeri saya pun masih dianggapkan mundur walaupun sejak daripada Merdeka sampai sekarang ini diperintah oleh Parti Perikatan dahulu dan sekarang Kerajaan Barisan Nasional. Soal mundur ataupun maju, saya rasa tak berbangkit dalam pindaan Undang-undang ini.

Pindaan ini bermaksud supaya sesebuah negeri dalam Malaysia iaitu 13 buah negeri dapat mengadakan sumber yang baru bagi kewangannya. Pada masa yang lampau sebelum Akta ini dipinda, cuma negeri-negeri selain daripada dia mendapat peruntukan mengikut penduduknya, maka ia boleh mendapat pemberian yang lain sekiranya Kerajaan Pusat mendapat hasil lebih 10%. Kalau tak sampai 10% ia tak dapat grant yang patut dibahagi.

Sekarang Rang Undang-undang ini akan dipinda untuk membolehkan Kerajaan Pusat memberikan kepada Kerajaan Negeri walaupun hasil Kerajaan Pusat tidak lebih daripada 10%, kalau tak silap saya begitulah. Sebab itulah saya berasa, kalau saya menjadi Kerajaan Negeri, saya berasa lega kepala saya dan dada saya oleh kerana negeri Kedah, Tuan Yang di-Pertua, ia berhampiran sangat dan berjiran dengan negeri Pulau Pinang. Bagi Negeri Pulau Pinang kalau kita melintas pembangunannya, Ya-Allahu Rabbi boleh compete dengan Wilayah Persekutuan. Nasib tak baik, Kedah tidak dapat membangun, mungkin oleh kerana kekurangan kewangan, walaupun ada cita-cita Kerajaan Negeri untuk membangunkan negerinya, tetapi saya harap dengan adanya pindaan ini Kerajaan Negeri Kedah akan dapat membangunkan negeri Kedah sendiri, sekurang-kurangnya boleh menyamai Pulau Pinang. Dengan itu dapatlah rakyat jelata negeri Kedah ini merasai nikmat pembangunan dan boleh mengubah taraf kehidupan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menasihati Kerajaan-kerajaan Negeri itu khasnya Kerajaan Negeri Kedah, jangan pula Kerajaan Negeri Kedah apabila dapat wang banyak, ia membazir. Maklumlah makan disuap, Tuan Yang di-Pertua, ia telan banyak, tetapi kalau makan itu ia cari sendiri, ia berjimat sedikit. Sebab sepanjang yang saya mengetahui dan saya lihat Kerajaan Negeri Kedah boros sangat sekarang ini, dia tak tahu dia tak ada duit.

Di samping saya berasa simpati juga kepada Kerajaan Negeri Kedah, sebab saya baru-baru ini dalam mesyuarat Dewan Negeri pada 2hb September yang lalu, saya turut bersama meluluskan usul untuk meminjam sebanyak \$40 juta daripada Kerajaan Pusat untuk rancangan bekalan air bagi

kawasan Kota Setar. Jadi saya turut meluluskan usul itu kerana hendak memberi bekalan air minum oleh sebab negeri Kedah itu kekurangan air memanglah tak dapat dinafikan dan selalu masalah sakit perut, cirit-birit berlaku di Kedah disebabkan minum air yang tak bersih, lebih-lebih lagi kalau dalam kawasan MUDA, pendeknya air yang dalam kawasan MUDA itu air yang sudah dicampuri dengan rancun serangga, racun ketam, racun bala dan sebagainya. Air itulah yang telah diminum oleh manusia, maka menjadi penyakit yang banyak. Saya harap dengan adanya tambahan \$50 juta untuk pembangunan itu supaya Kerajaan Negeri tak gaduh hendak berhutang kepada Kerajaan Pusat, mengenai hal-hal air ini insya Allah dalam satu masa lagi di negeri Kedah itu dapat dibekalkan dengan air yang bersih dan pembangunan-pembangunan kecil pun seperti jalan akan baik, jambatan dan segala-galanya. Tetapi dalam projek kecil ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harapkan Timbalan Menteri Kewangan itu check sedikit Kerajaan Negeri. Jadi, kadang-kadang benda yang tak berapa perlu pun dikatakan projek-projek kecil untuk rakyat seumpama beri pinggan Pyrex dan pinggan Duralex kepada kumpulan UMNO ataupun parti Barisan Nasional—itupun termasuk dalam projek kerja-kerja kecil. Itu membazir namanya, Tuan Yang di-Pertua. Pendeknya, biarlah wang tambahan (grant) itu digunakan benar-benar untuk projek yang boleh memperbaiki ekonomi rakyat ataupun kehidupan penduduk-penduduk khususnya penduduk luar bandar.

Satu lagi, saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$50 juta lagi itu diberi sama banyak di tiap-tiap negeri. Kalau Selangor dapat \$50 juta, Kedah pun dapat \$50 juta ataupun mengikut bilangan penduduk? Ini mengikut penerangan Timbalan Menteri Kewangan tadi boleh digunakan untuk Belanja Mengurus. Kalau tak silap saya untuk kegunaan Belanja Mengurus negeri yang berkenaan. Ya, memang saya sokonglah, moga-moga dengan bolehnya digunakan wang itu oleh Kerajaan Negeri, ketidakcukupan ataupun kekurangan kakitangan Kerajaan Negeri itu dapat dipenuhi. Sebab mengikut pengetahuan saya, kalau tak silap saya, tak kurang daripada 4,000 orang pegawai dan kakitangan Kerajaan bagi negeri Kedah masih kekurangan. Kalau tak silap saya Yang

Amat Berhormat Menteri Besar Kedah telah menyatakan kekurangan 4,000 kakitangan. Jadi wang ini dapat digunakan untuk pengambilan kakitangan dalam "Operasi Isi Penuh" supaya dapat diisi-penuhi dengan wang itu. Sebab segala projek atau segala apa benda pun jikalau tidak ada orang yang menjalankan dia tidak boleh jalan, macam kereta besar kalau tidak ada driver dia tidak boleh jalan, ini adalah penting. Jadi saya harapkan dengan adanya wang ini, wang untuk menambahkan pegawai, wang untuk mengadakan projek ini maka negeri Kedah khususnya akan dapat maju dan akan dapat bertanding dengan negeri-negeri yang sejiran dengannya, khususnya negeri Pulau Pinang. Walaupun saya dari parti Pembangkang, saya ingin melihat negeri saya itu maju dalam Malaysia sebagaimana negeri-negeri lain yang telah maju.

Itulah sedikit sebanyak komen saya bersangkutan paut dengan pindaan Rang Undang-undang ini dan akhirnya saya sambut baik Rang Undang-undang ini dan memberi sokongan saya kepada Timbalan Menteri Kewangan di atas Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.42 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 yang mana menjamin peruntukan kepada negeri \$50 juta kepada \$100 juta iaitu \$50 juta diberi kepada negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua orang Wakil Rakyat iaitu dari Kuala Lumpur Bandar yang mengalu-alukan Akta ini dan memberi sedikit nasihat. Tetapi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telahpun akhir-akhir ini menyokong penuh dan berdoa, pada mulanya beliau menyatakan wang-wang ini membazir dan tidak perlu, bahkan menyatakan Kerajaan kita membeli Pyrex dan sebagainya diberi kepada UMNO. Perkara ini hendaklah berhati-hati kita mengeluarkan perkataan bahawa pihak Treasury tidak membenarkan wang-wang dibelanjakan kepada parti, ini adalah peruntukan Ahli-ahli Parlimen yang telah diluluskan beberapa tahun yang lalu. Tetapi

akhirnya kita dapat tahu bahawa satu surat kenyataan menyatakan bolehlah diberikan kepada pasukan-pasukan atau pertubuhan-pertubuhan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menengokkan Akta yang terdahulu cuma Belanja Pembangunan sahaja diberi kepada negeri-negeri, tetapi pada kali ini Akta ini akan diluluskan nanti ialah untuk Perbelanjaan Mengurus. Ini bolehlah negeri-negeri membelanjakan dengan mengurus dalam negeri masing-masing, bolehlah pihak negeri memajukan negerinya, pihak negeri-negeri yang tidak maju itu mengatasi jurang antara negeri-negeri yang maju dengan yang kurang maju. Dan negeri yang kurang maju dapat menggerakkan negerinya dengan lebih lancar lagi supaya dalam tanahair kita ini tidak ada negeri-negeri yang terkebelakang terutama gantian seksyen ini untuk memberi bekalan air. Bekalan air menjadi satu sumber yang sentiasa dibangkit-bangkitkan oleh rakyat di luar-luar bandar setelah 20 tahun lebih kita merdeka tetapi ada tempatnya tidak mendapat bekalan air langsung. Oleh itu sangat moleklah Akta ini dipinda dan diluluskan nanti supaya negeri-negeri yang tidak mendapat air iaitu di pedalaman di kawasan negeri itu mendapat air pada masa akan datang. Begitu juga perumahan awam yang mana telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi, perkara ini memang benar kerana manusia berkehendakkan rumah bahkan burung pun ada sarangnya.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan tanah perusahaan juga berkehendakkan kemajuan kepada negeri-negeri itu kerana manusia berkehendakkan kepada perusahaan dan sebagainya. Mengenai kerja-kerja kecil pembangunan dan sebagainya saya tidaklah hendak menghuraikan lebih panjang lagi. Akhirnya saya mengharapkan semoga dengan adanya Akta pindaan ini moga-moga negeri-negeri mendapat kemajuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.46 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak DAP pada prinsipnya adalah menyokong bahawa

satu pindaan bagi Akta Pemberian Pertambahan Hasil telah diadakan. Ini adalah bertujuan baik dan juga merupakan satu langkah yang mustahak bagi Kerajaan Pusat untuk mengawasi dan menjamin pembangunan setiap negeri khasnya negeri-negeri yang digolongkan dalam golongan yang berpendapatan tengah dan rendah. Tetapi beberapa aspek perlulah diperhatikan oleh Kementerian Kewangan bila pindaan ini dikuatkuasakan, iaitu pada Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa pemberian hasil ini akan berasaskan kepada KDNK (Keluasan Dalam Negeri Kasar) dan bilangan penduduk.

Kalaulah kita ada membaca balik Rancangan Malaysia Kedua dan meninjau balik Rancangan Malaysia Ketiga, kita dapati bahawa KDNK seperti di negeri Melaka, Kelantan, Trengganu tidak ada berapa jauh perbezaan dalam masa 10 tahun ini, melainkan negeri-negeri seperti Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis telah berlipat ganda menaikkan Keluasan Dalam Negeri Kasarnya. Maka dalam pemberian hasil ini yang berjumlah tidak melebihi \$100 juta ini menurut pandangan DAP adalah tidak mencukupi. Sebenarnya pemberian ini perlu dilipat gandakan, kalaulah kita mahu mencapai satu matlamat di mana semua negeri-negeri yang digolongkan dalam golongan miskin atau berpendapatan tengah ini dijadikan satu negeri yang maju dan matlamat Dasar Ekonomi Baru hendak dicapai maka pindaan ini perlulah dipertimbangkan jumlah (amount) pemberian ini kepada negeri-negeri yang sangat-sangat memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan seperti negeri Melaka.

Saya sebutkan negeri Melaka adalah kerana dari pengalaman saya dan juga dari perhubungan saya dengan Dewan Undangan Negeri Melaka, banyak projek-projek pembangunan sosio-ekonomi di negeri Melaka sudah tergendala atau tidak boleh dilaksanakan kerana kekurangan wang. Dan perkara ini telah berkali-kali disuarakan bukan sahaja oleh Ahli-ahli Pembangkang seperti dari DAP, tetapi juga didesak, diseru, diminta oleh Kerajaan Negeri Melaka seperti baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka juga telah merayu supaya Kerajaan memberikan satu perbelanjaan yang mencukupi untuk melaksanakan segala

projek sosio-ekonominya supaya Melaka boleh dibawa keluar daripada satu keadaan yang sangat rumit kerana negeri Melaka adalah merupakan salah sebuah negeri yang tidak ada apa-apa sumber kejadian alam semula jadinya. Maka Kerajaan Pusat khususnya Menteri Kewangan membuat satu keputusan untuk memberikan atau membahagi-bahagikan jumlah pembangunan ini, maka negeri-negeri seperti Melaka, Sarawak dan lain-lain yang menghadapi masalah khas, perhatian khas perlu diberikan.

Aspek kedua ialah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan adakah formulanya akan disemak semula atau dikaji semula kerana jika perlaksanaannya berasaskan KDNK ini mungkin beberapa negeri masih ketinggalan dalam aliran pembangunan negeri kita. Sebab itu DAP sudah banyak kali membuat laporan (memorandum) kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri-menteri yang berkenaan mengenai beberapa projek yang mustahak perlu dilaksanakan di negeri Melaka dan negeri Sarawak khususnya.

Di sini saya perlu juga menyentuh mengenai kuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membuat satu pemberian hasil ini kepada tiap-tiap negeri, janganlah berasaskan atau berdasarkan kepada faktor-faktor politik atau perhubungan peribadi, umpamanya, seorang Menteri dia datang dari Kelantan maka segala projek akan ditutut dan dipusatkan di Kelantan sahaja. Dari pandangan, reaksi orang ramai dan rakyat khususnya di negeri Sarawak mereka sudah menganggap Kelantan sudah dijadikan anak emas daripada Kerajaan Pusat kerana Barisan Nasional mahu memperkukuhkan kuasa mereka di Kelantan selepas merampas kuasa daripada PAS.

Tuan Speaker, ini adalah salah. Kalaulah kita hanya berasaskan kepada unsur-unsur politik parti pemerintah maka projek pembangunan akan disegerakan, segala permintaan kita akan ditunaikan melainkan negeri-negeri seperti negeri Melaka, negeri Sarawak permintaan mereka selalu tidak dilayani atau diberikan keutamaan. Mereka hanya menjadi seperti anak tiri sahaja. Inilah pandangan mereka, umpamanya pandangan dan reaksi daripada rakyat negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat kaya dengan sumber kekayaan alam semula jadinya. Mereka menganggap bahawa

Kerajaan Pusat mengambil lebih daripada Kerajaan Pusat memberikan kepadanya kerana negeri Sarawak mengeluarkan minyak yang terbanyak di Malaysia, mengeluarkan kayu-kayan yang banyak, lada, tanah yang kaya dan lain-lainnya tetapi kehidupan rakyat di negeri Sarawak adalah merupakan salah sebuah negeri yang sangat termundur dan termiskin di Malaysia.

Ini adalah diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ketika beliau membuat satu lawatan ke Sarawak dalam pilihanraya umum. Maka di sini saya perlu merayu dan mendesak Menteri Kewangan dan Menteri-menteri yang berkenaan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya dapat menunaikan janji-janji yang mereka berikan dalam pilihanraya umum baru-baru ini di negeri Sarawak. Seperti kata Perdana Menteri bahawa negeri Sarawak akan diutamakan dan akan diberikan lebih banyak perbelanjaan pembangunan dan juga Menteri Kewangan ada memberitahu rakyat Sarawak bahawa cukai eksport kayu balak akan dikurangkan dan lain-lainnya seperti jalan-jalan, infrastruktur atau peraturan perkhidmatan penerangan MAS akan diperbaiki.

Maka memandangkan masalah yang begitu banyak dihadapi oleh negeri Sarawak, kalau kita berdasarkan KDNK umpamanya di negeri Sarawak adalah merupakan satu negeri yang boleh dikatakan agak sudah mencapai matlamat Kerajaan tetapi keadaan yang sebenarnya adalah berbeza dengan KDNK. Maka sebab itu kita adalah meminta Kerajaan boleh mempertimbangkan dengan memberikan satu peruntukan khas Emergency Development Fund kepada negeri Sarawak dan negeri Melaka sekurang-kurangnya \$100 juta sepertimana yang kita minta dalam memorandum yang dihantarkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mac ini. Ini bukan hanya berdasarkan kepada politik, ini adalah berdasarkan kepada masalah yang sebenarnya dihadapi oleh rakyat di negeri masing-masing. Itulah sebabnya saya adalah merayu supaya Kerajaan boleh menyemak, meninjau semula formula mereka untuk membahagi-bahagikan pemberian hasil ini.

Kalau kita hanya semata-mata berdasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar ini mungkin Kerajaan Pusat akan kelalaian beberapa aspek masalah pembangunan yang dihadapi sepertimana yang saya sebutkan di Melaka

dan negeri Sarawak dan juga sangat mustahak bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini bagaimana formula ini diadakan. Apakah unsur-unsur yang terkandung dalam formula ini untuk membolehkan Kerajaan menentukan sesuatu peruntukan atau pembahagian perbelanjaan mengurus ini. Inilah yang sangat mustahak. Rakyat adalah berhak untuk mengetahui bagaimana formula ini dirangka dan diadakan.

Sehingga hari ini saya terus terang mengatakan saya tidak berapa faham bagaimana KDNK ini diadakan. Saya hanya tahu mengikut angka-angka yang dicetak dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Saya sudah membaca dan mengkaji selama satu malam tetapi tidak dapat cara bagaimana formula ini diadakan. Saya harap nanti Yang Berhormat boleh bersedia memberitahu Dewan ini supaya tiap-tiap Kerajaan Negeri, setiap rakyat dapat tahu bagaimana formula pemberian atau pembahagian hasil yang akan dijalankan dalam Akta Pindaan ini.

Tuan Speaker, saya perlu menegaskan bahawa projek-projek sungguhpun adalah dinyatakan dalam lima golongan, saya pernah dan telah beberapa kali melawat kawasan luar bandar khususnya kawasan pedalaman dan kawasan Melayu. Banyak kawasan-kawasan yang masih tidak dapat disediakan bekalan air dan elektrik. Saya tidak tahu apa sebab bekalan air hanya disebut dan bekalan elektrik tidak disebutkan. Adakah Kerajaan sudah membuat satu rancangan atau peraturan yang tertentu untuk selaraskan dengan projek pembangunannya, bila ada bekalan air barulah sampai bekalan elektrik atau bekalan elektrik langsung tidak diperhatikan kerana penduduk-penduduk kawasan masyarakat luar bandar merasa sangat keciwa bahawa sejak 22 tahun kemerdekaan mereka masih tidak dapat menikmati bekalan air dan elektrik sebagai perkhidmatan asas sosial mereka?

Inilah satu perkara yang mustahak perlu diperhatikan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan bila membuat sesuatu pembahagian hasil. Juga yang lebih mustahak ialah kita adalah ketinggalan dalam golongan projek yang akan dijalankan itu ialah jalan. Walaupun jalan adalah merupakan satu projek di bawah JKR atau Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam tetapi adakah pemberian atau pembahagian hasil ini juga termasuk projek membina jalan-jalan di kampung dan juga masyarakat luar

bandar. Kadang-kadang mereka hadapi masalah jalan kerana pengangkutan komunikasi ini telah mengakibatkan kualiti kehidupan mereka tidak boleh diperbaiki sungguhpun beberapa rancangan lima tahun telah dijalankan.

Itulah sebabnya saya merayu Kementerian Kewangan boleh mempertimbangkan pertama ialah formulanya, cara pembahagian hasilnya, ketiga masalah-masalah khas yang saya sebutkan di tiap-tiap negeri-negeri Melaka dan negeri Sarawak, dan juga pemberian hasil ini tidak bolehlah berdasarkan unsur-unsur politik atau pertalian peribadi atau perhubungan seseorang Menteri dengan negeri yang diwakilinya. Ini adalah salah. Kerajaan perlu memerhatikan dan juga berusaha membasmikan angkatan rakyat ini iaitu Kelantan sekarang.

Saya tidak menolak atau menentang Kerajaan supaya jangan membangunkan negeri Kelantan kerana dari pandangan rakyat adalah kerana negeri Kelantan sudah dijadikan anak emas Kerajaan Pusat Barisan Nasional melainkan lain-lain negeri sudah dilalaikan. Kerajaan Negeri Melaka sendiri, bekas Ketua Menteri adalah bersungut dan merasa kesal bahawa permintaan pinjaman, bantuan tidak dilayan. Saya tidak tahu apakah sebabnya. Adakah disebabkan Ketua Menteri sekarang tidak ada mempunyai perhubungan baik dengan Menteri-menteri Kabinet atau adakah Negeri Melaka atau Negeri Sarawak menjadi satu problem state dan lain-lainnya. Semua masalah itu perlu kita timbangkan.

Akhirnya saya sekali lagi menegaskan bahawa DAP mengucapkan syabas bahawa Kerajaan telah mengadakan pindaan dan peraturan baharu untuk menambahkan pemberian hasil kepada tiap-tiap negeri di samping itu saya berharap beberapa aspek dan masalah yang saya sebutkan tadi bolehlah ditimbang oleh Kerajaan dan juga boleh dijawab nanti oleh Timbalan Menteri Kewangan supaya kita dapat bersama mengkaji bagaimana hendak mengatasi masalah itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.06 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya secara kebetulan datang daripada sebuah negeri yang sama dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan saya rasa di sini serba salah hendak mengatakan sama ada

saya rasa bertuah kerana secara kebetulan datang daripada negeri yang sama ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benar-benar mengkaji dan membaca sejarah negeri Kelantan maka tentulah pendapat yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi tidak sepatutnya demikian. Ini adalah merupakan mukaddimah saya pada petang ini untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama Satu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lantaran saya telah menyentuh tentang apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang bercakap sekejap tadi maka perlu saya lanjutkan sedikit mengenai perkara ini. Saya rasa adalah keterlaluan untuk menuduh sesebuah negeri itu menjadi anak emas ataupun adalah tidak adil kepada negeri-negeri yang lain selain daripada negeri yang dituduh sebagai anak emas itu kerana tidak disifatkan sebagai anak emas.

Saya ingin bertanya di sini adakah salah kalau kebetulan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu asalnya dari negeri Kelantan dan secara kebetulan pula negeri Kelantan ini masyhur namanya, yang pertama kerana terdapat golongan yang paling miskin; yang kedua masyhur kerana kadar kematian bayi yang paling tinggi; dan ketiga masyhur adalah di antara negeri-negeri yang paling terkebelakang dari segi pembangunan kalau dibandingkan dengan kebanyakan negeri-negeri dalam negara ini. Jadi kalau secara kebetulan negeri Kelantan yang diwakili oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu berada dalam keadaan yang demikian dan secara kebetulan pula sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai sesuatu taraf yang tertentu menjelang tahun 1990 maka di manakah salahnya kalau negeri-negeri, daerah-daerah atau masyarakat-masyarakat yang mundur itu bukan sahaja di Kelantan tetapi juga di Trengganu, di Kedah, di Perlis hatta di Sarawak yang disebutkan tadi mendapat perhatian yang lebih sedikit daripada pihak Kerajaan khususnya Menteri Kewangan dalam soal-soal peruntukan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kesilapan yang besar setelah kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, mengenali hakikat yang wujud di negeri-negeri yang mundur, sanggup melihat keadaan yang ber-

lalu; sanggup membenarkan perkara yang wujud itu berterusan mulai daripada hari ini dan seterusnya tanpa memberi satu pemikiran, tanpa membuat sesuatu untuk membaiki tentang kemunduran atau kelemahan-kelemahan yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mahu peruntukan yang lebih mengenai Melaka, saya tidak menentang, itu soal Melaka. Tetapi janganlah kita menyentuh soal peruntukan negeri-negeri lain kerana kalau kita perhatikan di dalam peruntukan-peruntukan kewangan di dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama, Kedua dan Ketiga hatta kepada penyemakan Rancangan Malaysia Ketiga, saya rasa tidak jauh istimewanya negeri Kelantan dari negeri-negeri lain walaupun Menteri Kewangan dari Kelantan.

Saya rasa adalah perlu juga bagi saya untuk memberi sedikit ulasan mengenai, entah boleh dikatakan permohonan ataupun sebagai gesaan dari pihak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi mengenai apa yang dikatakan janji-janji, saya tekankan, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan janji-janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pilihanraya Sarawak baharu-baharu ini. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi rekod kenyataan kepada pihak Barisan Nasional pada hari ini dan pihak Parti Perikatan sebelum ini, kita menjalankan apa yang kita catitkan dalam manifesto tiap-tiap kali pilihanraya. Jauh daripada hendak membangga diri, jauh daripada hendak menjadi seorang yang bongkak dan takabbur, tetapi dari segi kenyataan perlu saya sebutkan bahawa, mungkin dengan izin Allah, itulah sebabnya pilihanraya demi pilihanraya Parti Barisan Nasional dan sebelum pada ini Parti Perikatan diberi mandat oleh rakyat bahkan bertambah-tambah besar dari satu pilihanraya ke satu pilihanraya. Kesimpulannya dalam masalah ini bahawa sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab, sebagai sebuah badan politik yang pernah memerintah negara ini sejak tahun 1955 hingga hari ini tidak putus-putus dan sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab maka soal janji yang dikeluarkan oleh pihak Barisan Nasional melalui sebarang manifesto pilihanraya tidak usah digusar, tidak usah diragui oleh mana-mana pihak sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pindaan kepada Rang Undang-undang ini saya yakin dan percaya bahawa tiap-tiap negeri apabila lulusnya undang-undang ini

akan mengalu-alukan dengan sepenuh-penuhnya kerana ini adalah satu pertolongan yang besar kepada negeri-negeri untuk meringankan bebanan-bebanan yang tertentu sama ada dari segi pembangunan mahupun dari segi pengurusan sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Keuangan sekejap tadi.

Dari segi pengurusan, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju bahawa sesebuah negeri atau sesebuah jentera Kerajaan perlu berjalan dengan licin dan cekap dan dalam soal ini keperluan sudah tentu di dalam wujudnya satu kakitangan yang cukup. Kakitangan dalam Jabatan Kerajaan hendaklah dipenuhi dan insya Allah, saya percaya melalui penganugerahan ini kekosongan-kekosongan yang mungkin terdapat itu di peringkat pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri itu dapat dipenuhi seberapa yang dapat. Dan begitulah juga mengenai pembangunan. Kita dapati bahawa terutama sekali bagi negeri Kelantan sepertimana yang diheboh-hebohkan oleh pihak DAP sekejap tadi, negeri Kelantan adalah sangat dahagakan pembangunan. Latar belakang sejarah negeri Kelantan dan keadaan-keadaan yang pernah berlaku di negeri Kelantan sehingga setahun dua kebelakangan ini memerlukan banyak pembangunan-pembangunan perlu diwujudkan. Pembangunan-pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum melihat, kerana adanya di dalam pindaan ini ialah di dalam Fasal 7 ataupun di dalam Seksyen 6 kita dapati daripada Akta asalnya pada tahun 1977 itu tidak kedatangan kerja-kerja kecil tetapi alhamdulillah pada hari ini kita telah diberi satu lagi tajuk kecil iaitu daripada (a) sampai terdapat (d)—(d) ini adalah satu tajuk kecil iaitu perbezaan sebagai tambahan kepada Akta tahun 1977.

Saya hendak bercakap sedikit mengenai kerja-kerja kecil ataupun kerja-kerja pembangunan kecil ini kerana ini adalah satu perkara yang penting terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di negeri Kelantan dan terutama sekali kawasan pilihanraya saya—Tanah Merah, Kelantan. Bagi masyarakat luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak menafikan perlunya wujud lapangan-lapanganterbang yang besar di bandar-bandar besar, mereka tidak menafikan perlunya pelabuhan-pelabuhan yang besar seperti Kuantan, seperti Port Kelang dan seperti Pasir Gudang. Mereka tidak menafikan perlunya lebuh raya-lebuh raya begitu besar seperti Kuala Lumpur-Karak,

seperti lebuh raya Timur-Barat yang menghubungkan Kelantan dengan Perak seterusnya ke Pulau Pinang. Tetapi pada mereka ini selain daripada perkara-perkara ini yang mereka banggakan sebagai usaha Kerajaan untuk membangun negara ini keseluruhannya mereka juga memerlukan perkara-perkara pembangunan yang kita sebutkan sebagai projek kecil pembangunan (minor projects). Projek-projek kecil seperti mengadakan tali air kecil. Kalau di dalam istilah kami di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, dipanggil "tandak". Mungkin tali air kecil ini boleh membendung sawah padi sehingga 30 ekar ataupun 50 ekar. Tetapi tanpa bantuan projek-projek pembangunan kecil ini sawah padi 30 ekar atau 50 ekar ini tidak mungkin dapat diusahakan, tidak mungkin anak-anak bendang ataupun petani-petani yang berkenaan itu dapat menikmati hasil daripada sawah-sawah yang mereka kerjakan itu.

Mungkin kalau kita lihat di peringkat kebangsaan, apalah ertinya 30 ekar hingga 50 ekar tanah sawah ini? Tetapi ini adalah satu perkara yang dianggap besar dan penting oleh masyarakat di luar bandar terutama sekali kaum-kaum tani. Begitu juga kita dapati mungkin jalan-jalan kampung, jalan-jalan sawah ataupun jalan-jalan ke bendang atau jalan-jalan yang hendak menghubungi kampung-kampung terpencil dan di antara kampung-kampung terpencil ke jalan-jalan besar. Mungkin mereka-mereka yang tidak pernah sampai ke tempat-tempat terpencil sepertimana yang saya maksudkan tidak dapat memahami dan merasakan perkara yang semacam ini. Tetapi kalau di musim tengkujuh ataupun musim hujan maka kita akan rasa sekali betapa perlunya jalan-jalan yang tidak pernah digazetkan setakat ini, jalan-jalan yang tidak pernah diiktirafkan sebagai jalan JKR, dibaiki. Maka di sinilah pentingnya peruntukan di bawah kerja-kerja pembangunan kecil (minor projects) ini. Jalan-jalan ini adalah terlalu kecil untuk kita serahkan kepada pihak JKR untuk memperbaiki ataupun untuk menyelenggarakannya. Tetapi demi adanya peruntukan ini maka dapatlah sedikit sebanyak dapat ditolongi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan tersebut.

Itu hanya saya menyentuh dua aspek. Aspek yang pertama tadi iaitu tali air-tali air kecil dan yang kedua soal jalan-jalan kecil. Seterusnya kita dapati juga di kampung-kampung adanya perkara-perkara seperti kemudahan-kemudahan tempat awam. Kalau kita hendak mengharapkan Kerajaan Pusat

hendak mendirikan balai-balairaya ataupun dewan-dewan orangramai seperti yang terdapat di bandar-bandar maka ini tidak mungkin kerana tidak viable, tidak menabah kerana penduduk di situ adalah terlalu kecil maka melalui projek-projek kecil inilah dapat kita sediakan misalnya dewan-dewan yang kecil yang belanjanya sekadar \$4,000-\$5,000 dan ini boleh memberi faedah yang besar terutama sekali kepada golongan-golongan seperti belia-belia dengan segala gerakan belianya. Yang kedua ini juga boleh dijadikan sebagai satu pusat untuk kelinik-kelinik bergerak. Perkara-perkara yang seumpama ini, juga dapat digunakan untuk faedah-faedah lain misalnya sekali-sekala pihak-pihak yang bertanggungjawab mengenai tanah, mengutip hasil tanah ataupun sebagainya. Seterusnya di dalam kerja-kerja projek-projek pembangunan kecil ini banyak perkara yang dibuat. Dan saya sekali lagi bersyukur kerana dimasukkan di dalam jadual ini kerja-kerja kecil pembangunan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai bekalan air. Lantas saya menyebut tentang bekalan air, saya teringat sekejap tadi, Tuan Yang di-Pertua, sahabat kita dari Kota Melaka ada menyebut mengapa tidak disebut tentang elektrik. Saya rasa sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menjawab, biarlah saya jawab dengan pengalaman sedikit sebanyak yang saya ada sebagai seorang Wakil Rakyat daripada luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat itu tidak faham mengenai pentadbiran negara ini. Soalnya elektrik luar bandar pada masa ini ialah soal Kerajaan Pusat. Kalau pada masa dahulu bebanan elektrik ini adalah terbahagi kepada tiga: Yang pertama oleh Kerajaan Pusat, yang kedua oleh Kerajaan Negeri dan yang ketiga oleh L.L.N. sendiri. Tetapi sejak dua tiga tahun ini setelah menimbang sesuatu hal yang tertentu Kerajaan telah memutuskan bahawa soal elektrik dibeban hanya kepada Kerajaan Pusat dan juga kepada L.L.N. sendiri, maka tidak berbangkit diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan sekiranya perkara ini tidak berbangkit, tidak timbul wang itu diberi kepada Kerajaan Negeri. Senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, saya kembali kepada bekalan air. Semalam kita bercakap mengenai kesihatan dan ubat-ubat. Begitu juga soal bekalan air ada hubungan dengan kesihatan rakyat. Kita dapati bahawa pada setengah-setengah tempat soal bekalan air bersih adalah lebih

penting daripada soal bekalan elektrik luar bandar. Kerana melalui bekalan air yang dapat diminum ataupun air yang digunakan untuk makanan di luar bandar ini mungkin berbagai-bagai penyakit merebak daripada satu tempat ke satu tempat. Jadi, melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin menyebutkan bahawa pada hari ini bekalan air di luar bandar terutama sekali di kawasan saya di Tanah Merah, Kelantan khususnya dan di Kelantan amnya sekurang-kurangnya kita dapati melalui dua cara.

Cara yang pertama, iaitu cara biasa yang dibuat oleh Jabatan Kerjaya dan cara yang kedua ialah yang disediakan oleh pihak Jabatan Kesihatan. Saya adalah tertarik sekali dengan bekalan air yang disediakan oleh pihak Jabatan Kesihatan kerana ini merupakan satu projek kecil tetapi dapat menampung keperluan-keperluan bagi satu kelompok masyarakat sehingga beberapa ratus orang. Misalnya setelah pihak Jabatan Kesihatan menemui suatu punca air asli misalnya daripada suatu bukit yang berdekatan dengan kampung-kampung yang hendak disampaikan bekalan air tersebut maka diambil air tersebut dengan cara membuat dam atau sebagainya yang kecil-kecil dan pihak Jabatan Kesihatan ini akan membekalkan paip-paip air dan sebagainya dan ini dikerjakan sendiri oleh orang-orang kampung. Ini adalah satu projek yang pertama sekali tidak memakan perbelanjaan yang banyak dan yang keduanya soal maintenance tidak timbul kerana maintenance akan dapat diselenggarakan oleh pihak orang-orang kampung itu sendiri.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, lantaran saya bercakap mengenai bekalan air di dalam konteks pindaan Rang Undang-undang ini, saya harap pengalaman oleh pihak-pihak Kesihatan dalam perkara ini patut diperhatikan juga oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya rasa masalah bekalan air di luar bandar patut juga kita perhatikan terutama sekali kadang-kadang kita dapati adanya perigi tidak ada air, adanya paip tidak ada air dan ini saya harap dapat diperhatikan oleh pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, adalah tidak terlalu adil kalau saya menghujahkan perkara ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana ini bukan di bawah bidang kuasa beliau.

Perkara yang kedua, mengenai perumahan awam. Saya yakin bahawa soal perumahan atau soal rumah adalah satu perkara yang

penting. Saya tidak hendak bercakap mengenai perumahan harga rendah sebagaimana telah dilauung-laungkan oleh sahabat-sahabat kita yang terdapat dalam bandar tetapi saya hendak menyentuh bahawa perumahan awam ini kalau dapat juga konsep ini dimasukkan untuk dibaiki rumah yang daif di luar bandar.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya di Tanah Merah, Kelantan, apabila kita hendak mewujudkan satu sekim Rancangan Pemulihan Kampung (RPK), maka kita telah membuat satu banci secara kasar mengenai kelas-kelas kampung dan kampung-kampung ini tidak satu pun ada kelas "A" hanya di antaranya pada anggapan saya rata-rata "C" sahaja. Salah satu perkara yang perlu diperbaiki di bawah R.P.K. ini ialah tentang rumah-rumah yang terlalu buruk hendak dikatakan tidak viable, uneconomic ataupun kalau kereta kita kata not road-worthy, Tuan Yang di-Pertua, rumah apa saya tidak tahulah hendak katakan tetapi itulah keadaannya. Jadi, saya berharap dengan peruntukan ini kalaulah mempunyai wang yang cukup, hendaklah juga diperhatikan aspek-aspek ini. Jangan hanya terus dicurahkan kepada bahagian hendak membina rumah-rumah baharu yang selalunya dibuat ke dalam kawasan-kawasan bandar. Apa salahnya kalau kita belanjakan seribu ringgit umpamanya sebagaimana yang dirancangan dalam Rancangan Pemulihan Kampung untuk mengganti atau membaiki rumah-rumah yang daif, rumah-rumah yang atapnya bocor, rumah-rumah yang dindingnya berlubang, rumah-rumah yang tidak selayaknya didiami oleh masyarakat yang sudah merdeka!

Selain daripada itu saya dapati juga masalah kemajuan tanah perusahaan. Salah satu perkara yang menjadi halangan kepada wujudnya perusahaan di negeri-negeri yang mundur ialah soal pengambilan tanah untuk dijadikan tapak perusahaan. Kalau saya dapat difahamkan bahawa "C" di sini kemajuan tanah perusahaan itu dimaksudkan dengan usaha-usaha pengambilan tanah untuk dijadikan tapak-tapak kilang atau perusahaan bagi negeri-negeri tersebut, selalunya bagi negeri-negeri yang berkenaan diserahkan perkara ini kepada agensi—Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang berkenaan. Ini adalah penting, kerana kita dapati bahawa kemajuan sesebuah negeri itu sedikit sebanyak pada hari ini bergantung kepada perusahaan. Saya rasa patutlah perkara ini

diambil perhatian dan jangan hanya oleh sebab hendak membeli tanah untuk dijadikan tapak kilang-kilang atau tapak factory ini adalah perkara besar dan mungkin peruntukannya itu kalau mengikut jadual yang asal sekadar tiga atau empat juta sahaja tiap-tiap negeri akan dapat dengan berbas kepada \$50 juta, mungkin akan diketepikan. Jadi, saya rasa kita tidak patut mengeneipkan perkara-perkara yang semacam ini. Saya percaya di bawah "E" apa-apa projek pembangunan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kewangan Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan dan dikuatkuasakan boleh membuat banyak lagi perkara-perkara dari semasa ke semasa sesuai dengan kehendak-kehendak tempatan bagi negeri-negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh soal pindaan daripada 10% lebih daripada tahun sebelumnya kepada tidak ada peratus semua sekali. Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik kerana kadangkadang kalau kita berada di dalam satu masa keadaan eksport kita tidak begitu baik, keadaan balance of trade kita tidak begitu baik asalkan jangan ada deficit, kalau kita hendak menunggu 10% dahulu baharu dapat kita berikan ganjaran atau anugerah ini kepada negeri-negeri maka sudah tentu pada tahun-tahun yang berkenaan itu tidak dapat. Seterusnya saya percaya hasrat di belakang pemansuhan 10% ini adalah selaras dengan apa yang saya maksudkan tadi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapati di dalam Fasal 2, dengan syarat bahawa had \$100 juta, \$50 juta dalam perenggan (a) dan \$50 juta dalam perenggan (b) boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri. Saya berharap, dengan keadaan negara kita diberikan Allah minyak mengalir, dari semasa ke semasa bertambah banyak dan dengan keadaan kemewahan yang mungkin timbul dari semasa ke semasa maka patut juga saya mengingatkan melalui Dewan yang mulia pada hari ini supaya pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan selalu sahajalah mengkaji sama ada \$100 juta ini menasabah atau tidak.

Begitu juga kalau kita perhatikan nilai wang \$100 juta dan untuk dibagi dua \$50 juta untuk bahagian yang pertama manakala \$50 juta bahagian kedua dan kalau dibagi 13 buah negeri dan berdasarkan kepada anggaran yang pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan

sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang yang hendak dipinda pada 14hb Disember, 1976 dahulu iaitu antara negeri-negeri umpamanya Johor dapat \$4.6 juta dan Kelantan dapat \$3.9 juta dan mungkin \$3.9 juta ini adalah satu perkara yang kecil. Jadi, jangan dilihat dari segi \$50 juta ataupun jangan kita lihat dari segi \$100 juta tetapi hendaklah kita lihat dari segi berapa jutakah sampai kepada negeri-negeri yang berkenaan.

Satu perkara lagi saya suka menyentuh di Dewan yang mulia ini ialah kadar pembahagian wang ini mungkin berdasarkan kepada population census ataupun banci penduduk. Mungkin banci penduduk yang kita buat adalah sekadar 10 tahun sekali. Banci penduduk yang akhir ialah pada tahun 1970 dan mungkin pada tahun hadapan bila sampai masa tahun 1980 banci penduduk yang baharu akan dibuat.

Jadi saya tidak tahu sama ada kadar pembahagian ini berdasar kepada banci penduduk yang paling akhir, misalnya kalau hendak diberi pada tahun 1979 maka perlu diperhatikan banci penduduk pada tahun 1970 yang mana dianggarkan sah dari segi kira-kira sehingga masa ini. Tetapi saya rasa ini adalah satu perkara yang agak tidak adil sedikit kepada negeri-negeri yang kecil dan sepatutnya kadar pertumbuhan penduduk 2.9% itu diambil kira. Apa salahnya kalau kita ambil perhitungan ada negeri-negeri kadar pertumbuhan penduduk 2.9% ada negeri-negeri kadar pertumbuhan penduduk 3% dan sebagainya. Apa salahnya kita buat satu round figure—angka lebih kurang supaya peruntukan yang lebih dapat kita berikan kepada negeri-negeri berkenaan. Saya rasa tidak menjadi masalah kalau perkara ini dibuat, kerana kita sendiri dapat mengagak daripada satu masa ke satu masa berdasar kepada kadar (projection) atau unjuran penduduk ini dapat kita perhatikan dan angka-angka ini sentiasa dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Negara, iaitu di bawah statistical projection of population ataupun angka-angka unjuran penduduk daripada tahun ke tahun berdasarkan telahan-telahan perkembangan atas certain period daripada setahun ke setahun.

Saya rasa satu perkara yang perlu diperhatikan oleh pihak yang bertanggungjawab sama ada pihak Menteri Kewangan ataupun pihak Kerajaan sendiri kalau dari semasa ke semasa difikirkan bahawa peruntukan kepada negeri-negeri yang mundur, peruntukan ke-

pada negeri-negeri yang kurang maju dan kurang membangun seperti Sarawak kalau pun betul, Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan juga kepada daerah-daerah yang kurang maju didapati formula yang dipegang oleh pihak Kerajaan ini tidak sesuai maka saya rasa adalah menjadi kewajipan kepada pihak Menteri berkenaan atau Kerajaan supaya mengubahsuaikan formula ini supaya ianya lebih baik dan lebih berfaedah kepada negeri-negeri yang berkenaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut juga masalah kekurangan-kekurangan yang kita dapati pada negeri-negeri yang kurang maju tersebut. Negeri-negeri yang kurang maju ini walaupun saya yakin dan percaya bahawa pihak Kerajaan sendiri melalui Rancangan Malaysia Ketiga dan Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga telahpun membawa peruntukan-peruntukan yang tertentu supaya dalam jangka masa yang panjang negeri-negeri ini tidak akan jauh tertinggal daripada negeri-negeri yang lain. Dalam pada itu mungkin dengan adanya pindaan kepada Akta ini akan memberi suatu opening ataupun gambaran baru, akan memberi suatu jalan baru kepada pihak Kerajaan atau pihak yang berkenaan moga-moga dapat kita sekalian melihat apakah sebenarnya, perkara-perkara yang perlu, apakah sebenarnya perkara-perkara yang patut dibawa kepada negeri-negeri berkenaan selain daripada soal-soal infrastructure, selain daripada soal-soal besar yang kita fikirkan bagi faedah keseluruh negara. Misalnya sepertimana telah saya sebutkan tadi banyak projek-projek kecil kadang-kadang terlupa oleh kita sekalian kerana perkara ini terlalu kecil dan kita kadang-kadang terlupa perkara ini adalah penting kepada masyarakat di luar bandar.

Mungkin setelah kita membawa bekalan air kepada sesuatu kampung yang berkenaan maka akan timbul pula masalah-masalah sampingan daripada hasil kita bawa bekalan air itu, misalnya bila ada bekalan air mungkin kita perlu mengadakan tandas pula kepada setiap rumah orang-orang di luar bandar kerana tandas ada hubungannya dengan soal kesihatan yang mana saya telah sebutkan awal-awal tadi. Bekalan air bersih adalah soal yang penting dari segi kesihatan. Begitu juga mungkin selepas kita cuba melihat masalah perumahan atau masalah rumah-rumah orang-orang di luar bandar, mungkin

masalah-masalah sosial yang lain akan timbul. Masalah sosial yang terbit daripada perkara-perkara yang asalanya daripada soal perumahan ini hendaknya dapat kita atasi, hendaknya dapat kita perhatikan dari semasa ke semasa supaya dalam jangka masa yang panjang tujuan serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru dapat tercapai.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

5.35 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini sukalah saya menyentuh sedikit-sebanyak hujah-hujah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam masa menimbulkan hujah-hujah beliau tadi ada menyebutkan berkenaan dengan masalah yang ditimbulkan oleh orang-orang di Sarawak, iaitu bagaimana Kerajaan Barisan Nasional menganak-emaskan penduduk-penduduk di Kelantan daripada segi pembangunan. Tetapi saya inginlah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa bukan sahaja orang-orang di Sarawak ini telah menolak tohmah DAP yang kononnya Kerajaan Barisan Nasional menganak-emaskan penduduk-penduduk di Kelantan daripada segi pembangunan tetapi juga orang di Sarawak ini telah menolak kesemua sekali calon-calon DAP dalam pilihanraya yang lalu sehinggalah selepas pilihanraya yang baru ini tidak ada seorang pun muka orang DAP dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat juga telah meminta supaya Timbalan Menteri Kewangan dalam masa memberi peruntukan-peruntukan tambahan supaya mengkaji pertambahan ini daripada segi ekonomi dan tidak daripada segi politik. Saya sukalah membangkitkan perkara ini kepada Ahli Yang Berhormat yang tersebut bahawa dalam masa beliau meminta supaya ditambahkan peruntukan bagi negeri Sarawak, Ahli Yang Berhormat itu meminta dan asas-asas yang telah disuarakan oleh

beliau bukanlah asas ekonomi tetapi asas politik. Ahli Yang Berhormat juga cuba menjadi champion kepada penduduk-penduduk luar bandar daripada segi kemudahan asas. Saya mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, saya minta supaya beliau mengambil perkara ini dalam perhatian, kerana kita semua sedar bahawa penduduk-penduduk luar bandar hari ini, terutama sekali penduduk-penduduk di kawasan-kawasan Pantai Timur kebanyakan mereka hari ini masih tidak mempunyai bekalan air, masih tidak mempunyai bekalan api elektrik dan masih tidak mempunyai jalan yang baik.

Saya berharap supaya dalam membekalkan peruntukan-peruntukan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kita bukan sahaja akan menilaikan peruntukan-peruntukan ini daripada segi ekonomi, sosio-ekonomi tetapi juga daripada segi politik. Hari ini kita dapati kebanyakan peruntukan yang kita curahkan ke bandar-bandar tetapi kawasan-kawasan bandar ini bukanlah kawasan penyokong Kerajaan. Hari ini tidak ada sebuah pun kawasan bandar yang menjadi penyokong Kerajaan. Kita berharap supaya Kerajaan kita dan juga Timbalan Menteri yang berkenaan memberikan pertambahan peruntukan ini mengikut kadar ekonomi sesuatu kawasan itu, lebih-lebih lagi sama ada kawasan ini menjadi kawasan penyokong Kerajaan ataupun tidak. Hari ini kita bersyukur kepada Tuhan kerana penduduk-penduduk di luar bandar tidak kira orang Cina, orang India ataupun orang Melayu, kesemua mereka ini menjadi penyokong Kerajaan. Kita berharap supaya Timbalan Menteri yang berkenaan dalam memberikan pertambahan peruntukan ini memberikan keutamaan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang menjadi kawasan penyokong Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan berkenaan dengan pindaan ini, sukalah saya menarik perhatian kepada Bab 7 pindaan kepada seksyen 6, iaitu:

- (a) bekalan air;
- (b) perumahan awam;
- (c) kemajuan tanah perusahaan;
- (d) pembangunan projek kecil.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak penduduk-penduduk di negeri Perak sebuah negeri yang dianggapkan membangun jika dibandingkan dengan lain-lain negeri di Malaysia, sukalah saya menarik perhatian

Dewan yang di negeri Perak hari ini masih banyak lagi kawasan-kawasan, terutama sekali di kawasan Hulu Perak, Larut/Matang dan Selama dan juga Hilir Perak yang belum mempunyai bekalan air paip. Di kawasan saya sendiri pun masih banyak lagi kawasan-kawasan pendalaman yang tidak mendapat bekalan air paip. Dengan itu saya berharap semoga pertambahan yang akan didapati daripada pindaan ini akan dapat disalurkan untuk memberi keutamaan kemudahan asas kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita baca akhbar Bintang Timur izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa enam buah kampung di Hilir Perak masih lagi memohon agar Kerajaan mengadakan bekalan air paip ke kampung mereka oleh kerana selama ini mereka terpaksa bergantung kepada air perigi oleh kerana air Sungai Perak tidak dapat digunakan kerana ianya berlumpur dan bercampur dengan air masin daripada Lautan Selat Melaka. Dengan sebab itulah sebagaimana saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, saya memohon dan merayu supaya Timbalan Menteri yang berkenaan memberikan keutamaan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Hari ini kita sedia maklum bahawa Kerajaan kita tidak mempunyai kewangan yang cukup, bak kata kain selimut ditarik ke atas kesejukan kaki, ditarik ke bawah kesejukan badan. Dalam memberikan peruntukan ini saya sukalah menyokong saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu kita kurangkanlah peruntukan kepada kawasan-kawasan yang telah membangun iaitu kawasan-kawasan bandar dan kita berilah keutamaan kepada kawasan-kawasan di luar bandar.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Bintang Timur juga kita dapati bahawa pihak Kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak \$5.2 juta untuk projek pemulihan 120 kampung seluruh negeri Perak dan daripada jumlah ini \$1.2 juta telah diperuntukkan untuk memperbaiki rumah-rumah ataupun pemulihan rumah, \$1.7 juta untuk membaiki kampung lama dan yang bakinya untuk rekreasi. Tetapi, dalam masa kita mengkaji ataupun menyelidik berkenaan kita hendak memberi bantuan kepada rumah-rumah ini kita dapati bahawa kebanyakan rumah-rumah ini adalah terletak di atas tanah orang lain. Jadi apabila kita hendak beri bantuan ini maka bantuan

ini tidak sampai kepada mereka yang benar-benar miskin. Oleh itu inginlah saya mencadangkan supaya satu peruntukan tambahan juga diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membolehkan Kerajaan Negeri menyediakan tapak-tapak untuk dijadikan tapak rumah kepada mereka yang miskin di luar bandar.

Hari ini di Ipoh misalnya, Kerajaan Negeri ada menyediakan tapak-tapak rumah untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji rendah tetapi hari ini kita tidak ada menyediakan tapak-tapak rumah untuk orang-orang kita yang tinggal di luar-luar bandar yang tidak mempunyai tanah. Kalau misalnya hari ini Kerajaan membuka tanah empat batu jauhnya daripada tepi jalanraya maka penduduk-penduduk tadi akan mendirikan rumah mereka di atas tapak di mana mereka membuat kebun, kebun kelapa ataupun kebun getah. Jadi bermaknalah daripada segi jangka panjang walaupun air dan api ini sampai ke kampung lama mereka maka akan memakan masa hampir-hampir tujuh ataupun lapan tahun maka barulah air dan api tadi sampai ke kampung mereka ini. Daripada segi ini saya inginlah mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dalam masa kita memberikan peruntukan untuk memulihkan kampung-kampung lama ini marilah kita berikan juga peruntukan ataupun kita berikan satu pandangan yang serius bagi mengadakan satu tapak rumah yang baru bagi mereka yang tinggal di kampung lama ini. Dengan cara ini apabila kita besarkan kampung-kampung ini kita tidak besarkan kampung ini ke dalam tetapi kita besarkan kampung ini di sepanjang-panjang jalan. Dengan cara ini apabila projek-projek itu sampai ke kampung-kampung yang berkenaan maka dapatlah penduduk-penduduk kampung yang berkenaan itu menikmati projek yang disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh berkenaan dengan perumahan awam. Dalam aspek ini saya ingin menarik perhatian Dewan kepada keadaan yang berlaku di kawasan Ipoh sekarang ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum kawasan Kinta merupakan salah satu kawasan perlombongan yang terkaya sekali di dunia dan akibat daripada aktiviti perlombongan yang telah berjalan sekian lama maka hari ini kita dapati tanah-tanah di Ipoh dipenuhi oleh tasik-tasik yang dalam dan besar. Sungguhpun ada syarat-syarat perlombongan yang

telah dikenakan tetapi akibat dari aktiviti perlombongan yang berulang-ulang dijalankan memandangkan apabila harga bijih melambung naik maka kawasan tanah bijih yang tidak ekonomik pada satu masa dahulu boleh menjadi ekonomik pula pada satu masa yang lain.

Hari ini sekitar kawasan Ipoh dipenuhi oleh tanah yang curam yang mana usaha untuk menimbus lubang-lubang lombong ini akan memakan perbelanjaan yang besar. Hari ini kalau kawasan-kawasan ini diberi kepada pemaju perumahan swasta maka sudah tentulah kawasan-kawasan ini dapat dimajukan dengan secara viable dan ekonomik tetapi kalaulah pihak Kerajaan Negeri dengan perasaan yang penuh tanggungjawab ingin memajukan kawasan-kawasan ini bagi tujuan perumahan awam kos rendah ataupun rumah murah ataupun kampung-kampung tersusun ataupun untuk tujuan penempatan setinggian, maka sudah tentulah pihak Kerajaan akan mengalami masalah yang rumit. Oleh itu kalaulah peruntukan yang lebih dapat diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat khusus untuk tujuan menimbus lubang-lubang lombong yang berselerak di sekitar kawasan Ipoh, saya percaya masalah kekurangan tanah untuk maksud perumahan sedikit sebanyak akan dapat diatasi.

Dari segi kemajuan tanah perusahaan juga hari ini kita dapati masalah Perbadanan Kemajuan Negeri menjual tapak-tapak perusahaan dengan harga yang tinggi selalu dibangkit-bangkitkan oleh pihak swasta dan pelabur-pelabur terutama sekali pelabur-pelabur bumiputra. Saya percaya jikalau negeri Perak dapat diberi peruntukan yang lebih, hasil dari kenaikan pendapatan negara maka sudah barang tentu peruntukan ini juga dapat digunakan bagi meratakan tanah-tanah lombong untuk dijadikan tapak-tapak perumahan. Peruntukan ini akan merupakan satu subsidi Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri demi untuk mengatasi masalah kekurangan tanah untuk perumahan dan perindustrian, dan lebih hebat lagi sebagai satu cara untuk mengawal kenaikan harga perumahan dan juga memastikan bahawa mereka yang tidak mampu juga boleh memiliki rumah. Kalaulah pemohon-pemohon tapak-tapak rumah ini mendapat tapak-tapak rumah yang diberikan oleh Kerajaan melalui skim kampung tersusun dengan harga lebih-kurang \$400 tiap-tiap satu tapak yang mana tapak-tapak ini diberi dengan beberapa syarat yang

tertentu termasuk juga berpendapatan rendah, sudah kahwin, ada mempunyai anak dan belum mempunyai tapak rumah. Maka mereka yang berjaya ini bolehlah mengambil pinjaman Bank untuk mendirikan rumah dan kalau mereka bekerja dengan Kerajaan maka bolehlah mereka mendapat pinjaman Kerajaan dengan faedah yang rendah. Oleh itu, memandangkan bahawa jika dikaji dari pindaan ini kemungkinan Perak tidak akan mendapat banyak pertambahan tetapi besarlah harapan saya semoga peruntukan untuk menimbus lubang-lubang lombong ini bolehlah diberikan luar daripada peruntukan tambahan yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya ingin menyokong usul pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.49 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977 kerana pertama pemberian kepada Kerajaan Negeri sebanyak \$100 juta apabila berlaku pertambahan amaun melebihi daripada 10% dalam hasil Persekutuan adalah sepatutnya kerana kita tidak mahu jika sekiranya pihak Kerajaan tidak mendapat pertambahan pendapatan tetapi masih hendak menambah kepada Kerajaan Negeri, maka ini mungkin akan membeban pihak Kerajaan Persekutuan terutama di bawah Seksyen baru 4A yang akan digunakan bagi maksud pembangunan. Tentulah kita apabila menyebut pembangunan ini kita akan tertarik kepada negeri-negeri di Pantai Timur terutama negeri Kelantan.

Saya berasal daripada Kelantan dan memang sepatutnya saya menyokong kalau pembangunan ini ditumpukan kepada Kelantan, tetapi ini sebagai hujah saya, saya menyokong penuh sebagaimana yang disuarakan oleh Ahli dari Tumpat tadi yang memohon supaya peruntukan \$100 juta itu kadarnya diutamakan kepada negeri-negeri yang kurang maju, terutama di Negeri Kelantan yang kita dapat tahu pendapatan Keluaran Kasar Dalam Negeri perkapitanya adalah kurang dari purata negara bagi keluaran kasar dalam negeri. Ini menunjukkan negeri Kelantan ini sebuah negeri yang

kurang maju dan juga ketinggalan di dalam pembangunan. Jadi daripada sokongan saya tadi, saya mengulas sedikit ucapan kawan saya Ahli dari Kota Melaka yang mengatakan \$50 juta atau \$100 juta itu tidak mencukupi. Kadang-kadang orang yang tamak itu selalu rugi kerana dengan penambahan \$100 juta itu masih tidak mencukupi, dia masih tamak, padahal beliau itu tidak sedar akan negara kita ini sebuah negara yang membangun, bukan sebuah negara maju. Jadi kalau sebuah negara yang membangun bermaknalah segala kewangannya adalah dalam keadaan kesempitan dan saya rasa banyak keperluan dalam negara kita ini kita telah hasilkan daripada pinjaman-pinjaman. Kalau pemberian yang lebih daripada itu sebagaimana mengikut tamak pihak Pembangunan itu, maka saya rasa akan bankrap Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa sedap bercakap hari ini, kerana tidak ada orang yang akan menjawabnya, tetapi daripada formula yang dibuat oleh Kerajaan ini, saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh kedua-dua wakil daripada DAP tadi yang mahukan formula itu berdasarkan persamaan penduduk ataupun persamaan kependudukan yang mengikut bilangan ramainya, dan wakil dari Kota Melaka pula tidak mahu formula Keluaran Kasar Dalam Negeri per kapita itu. Ini dengan terang-terang, bukan saya menuduh, tetapi saya mensifatkan DAP ini tidak mahu mementingkan negeri-negeri yang mundur dan DAP ini tidak mahu menyokong atau tidak mahu membela penduduk-penduduk yang pendapatan perkapitanya rendah dengan erkata penduduk-penduduk atau rakyat yang miskin. Jadi kalau begitu caranya DAP bertelagah dalam Dewan ini yang pada satu ketika membela orang yang miskin, tetapi apabila hendak membahagikan peruntukan bagi pembangunan sesebuah kawasan atau sesebuah negeri itu tidak mahu berdasarkan kemiskinan ini dikira. Ini saya bercakap dengan bahasa yang mudah kerana banyak pihak DAP itu tidak berapa faham Bahasa Malaysia, kadang-kadang diputar-belitkan. Misalnya, dalam ucapan saya yang lepas banyak diputar-belitkan.

Jadi, pihak DAP ini dengan terang-terang anti-kemiskinan, kepada orang yang berpendapatan rendah yang miskin, mereka tidak mahu peruntukan pembangunan seperti ini

diperuntukkan kepada negara-negara yang lebih ramai orang miskinnya terutama seperti negeri Kelantan.

Di sini saya menyebut negeri Kelantan kerana negeri Kelantan itu sebagaimana yang kita maklum telah ketinggalan di dalam pembangunannya. Ini sebagaimana yang kita tahu dan sebagaimana yang rakan saya sebut tadi iaitu 18 tahun ketinggalan dalam pembangunan. Bukan sahaja tidak ada pembangunan dalam bahagian material, dalam bahagian pembangunan yang kita nampak pembangunan dalam dunia, tetapi juga tidak ada pembangunan di dalam bidang kerohanian dan juga di dalam bidang pembangunan keagamaan yang akan memberikan ketenangan jiwa kepada rakyatnya di dalam hidup sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh parti itu. Apakah ertinya perjuangan Islam tanpa pembangunan di dalam Islam itu sendiri dan tanpa pembangunan ke arah memajukan dan meninggikan syiar Islam? Jadi semenjak 18 tahun negeri Kelantan diperintah oleh sebuah Parti Islam, saya rasa negeri Kelantan sekarang ini benar-benar dahagakan kepada pembangunan dan walaupun dipenghujung atau akhir 18 tahun itu selepas Pilihanraya 1974 kita dapati negeri Kelantan telah dapat pembangunan sedikit daripada apa yang lepas kalau kita bandingkan, tetapi kita tahun bahawa negeri Kelantan perlu pembangunan yang lebih jika kita bandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Saya rasa kalau saya bercakap tentang negeri lain, saya tak mengetahui sepenuhnya, tetapi negeri Kelantan merupakan negeri yang tidak cukup kehasilannya atau pendapatannya untuk menampung Perbelanjaan Mengurusnya adalah jauh daripada mencukupi, apatah lagi kalau kita hendak menggunakan hasil daripada Kelantan itu untuk pembangunannya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum hasil pendapatan negeri Kelantan antara \$14 juta-\$15 juta setahun, tak boleh dibandingkan dengan negeri Trengganu yang sudah banyak hasil minyak, kalau kita hendak bandingkan dengan Trengganu perbelanjaannya atau hasil pendapatannya surplus. Tetapi daripada hasil \$14 juta atau \$15 juta setahun itu, Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Kelantan sebanyak \$25 juta. Ini bermakna Kerajaan negeri Kelantan ini mengharap atau bergantung kepada Kerajaan Pusat sebanyak \$10 juta tiap-tiap tahun. Ini belum lagi masuk kepada soal-soal pembangunan lain, soal-soal hendak

membangunkan negeri dan soal hendak memberikan kemudahan kepada rakyat. Mungkin pertambahan \$10 juta itu tidak diambil daripada peruntukan yang diberi di bawah Undang-undang ini, mungkin di bawah pinjaman atau apa-apa peruntukan yang diberi, tetapi ini menunjukkan bahawa negeri Kelantan tidak akan dapat hidup dengan sendirinya tanpa mendapat bantuan atau peruntukan daripada Kerajaan Pusat sebagaimana peruntukan yang ada.

Jadi, kalau begini hasad dengkiunya pihak yang menganggap negeri Kelantan itu sebagai "anak emas" dan cuba pula menjadi "hero" kepada negeri Sarawak, saya rasa tidak sepatutnya orang-orang daripada Melaka akan membela orang-orang Sarawak.

Saya rasa orang Sarawak lebih mengetahui daripada orang Melaka dan saya bernasib baik dapat melihat sendiri dengan apa yang ada di negeri Sarawak itu adalah luar negeri daripada jangkauan kita, daripada apa yang kita dapat lihat. Tetapi janganlah kita bandingkan negeri Sarawak yang luas itu yang hampir sama luasnya dengan Semenanjung Malaysia ini dibandingkan dengan negeri Melaka, Pulau Pinang ataupun Singapura yang negerinya sempit, tentulah pembangunan di sebuah negeri yang begitu luas tentulah ada tempat-tempat pendalaman yang tidak dapat sampai kepada pembangunan yang hendak dijalankan. Tetapi walau bagaimanapun saya amat menentang keras tentang apa yang disuarakan oleh wakil dari Kota Melaka yang mengatakan Kelantan merupai anak emas.

Sebenarnya negeri Kelantan tidak pernah menerima wang daripada Kerajaan Pusat untuk pembangunannya sejak beberapa tahun yang lampau di kala Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua negeri Kelantan tidak banyak menerima kewangan daripada projek-projek untuk negeri yang dibuat oleh negeri, hanya menerima projek-projek peruntukan daripada Kerajaan Pusat, misalnya peruntukan jalanraya, peruntukan sekolah, peruntukan hospital itu sahaja yang kita dapat. Peruntukan ini ialah peruntukan Kerajaan Pusat, tetapi bukan peruntukan yang diberi kepada Kerajaan Negeri dan dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan dalam negeri. Jadi apa yang saya sebutkan ini adalah untuk menampung, untuk mengimbangkan daerah-daerah yang ada seperti kita memberikan quota yang lebih kepada golongan bumiputra adalah dengan

tujuan untuk mengimbangkan kedudukan yang ada dan begitulah kita memberikan quota atau peruntukan yang lebih kepada kawasan yang mundur adalah untuk mengimbangkan kedudukan dalam negara kita yang selama ini, selama 18 tahun sudah tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tidak mahu orang-orang daripada Melaka yang tidak tahu yang cuba bercakap untuk kepentingan politik kalau-kalau pada pilihanraya yang akan datang akan menang satu atau dua kerusi di Sarawak dan menjadikan hero Sarawak di sini. Saya harap orang-orang Sarawak akan bercakap sendiri berkenaan dengan negeri Sarawak, kita tidak perlu orang daripada Melaka yang mencari kepentingan politik parti mereka dan menggunakan Sarawak sebagai issue untuk mendapat tempatnya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ucapan wakil dari Kota Setar yang menyentuh soal Kedah sebuah negeri yang mundur. Ia membandingkan mundur itu dengan negeri-negeri yang telah maju, yang besar. Tetapi kalau Kedah itu dibandingkan dengan Kelantan, maka Kelantan lebih mundur dari segi pembangunan.

Tadi katanya kita jangan kira maju atau mundur, itu tidak timbul tetapi kalau kita tidak timbulkan maju dan mundur ini kita tidak dapat membezakan soal untuk menentukan peruntukan yang ada ini, yang diperuntukkan atau kadar-kadar yang diperuntukkan kepada negeri. Mengikut kadar-kadar yang lepas yang ditunjukkan di sini sebagaimana dalam Rang Undang-undang Pertambahan Hasil yang diucapkan pada 14hb Disember, 1976 dahulu, telah memberi kadar-kadar yang lebih kurang sama di antara negeri Kelantan dengan negeri-negeri lain. Ini menyebabkan kemajuan di antara negeri-negeri yang telah maju itu akan cepat maju dan negeri-negeri yang kurang maju akan bertambah, yang mundur akan tidak dapat mengejar negeri-negeri yang lebih maju. Jadi kalau mengatakan negeri Kedah itu mundur maka negeri Kelantan juga mundur dan ia mengatakan oleh kerana Kedah di bawah perintah Barisan Nasional maka Kelantan diperintah oleh PAS, sebab itulah dia membalikkan perkara itu kepada Kedah, tetapi kalau dia membandingkan pembangunan Pulau Pinang dengan Kedah memang

tidak dapat dibandingkan. Pulau Pinang sebuah negeri yang kecil, tempat tumpuan, bandar pelabuhan, mungkin orang yang bercakap ini tidak membaca, tidak mempelajari soal kedudukan sebuah negeri ini menjadikan negeri itu maju, punca hasilnya dan juga kepada data penduduknya ataupun tempatnya sempit atau luasnya kawasan itu, ini juga merupakan unsur-unsur yang menjadikan sebuah negeri itu maju atau mundur. Walau bagaimanapun, saya berharap macam saya kata, saya akan bawakan kemunduran ini kepada negeri Kelantan.

Saya minta maaf kalau orang tidak mahu dengar sangat berkenaan negeri Kelantan ini, tetapi sebagaimana kita tahu negeri Kelantan ada kaitannya dengan parti sedikit. Walau macam manapun pembangunan dari segi material ini dengan pembangunan rohaniah adalah mempunyai kaitan yang rapat, tetapi parti yang memerintah pada masa itu hatinya mahu kepada pembangunan, dari segi memancing undi mengalihkan pandangan rakyat kepada tidak mahu kepada pembangunan. Wang-wang bantuan daripada Kerajaan Pusat kebanyakannya ditolak daripada diterima. Jadi tanpa pembangunan material, pembangunan jiwa dan rohaniah tidak akan sempurna lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin yang lepas negeri Kelantan melupai tentang perkara bagaimana pembangunan material atau pembangunan lahiriah akan memberi sokongan atau ada kaitannya dengan pembangunan rohaniah terutama dari segi pembangunan, di dalam keugamaan.

Kalau sekiranya kita tidak membangun dari segi ekonominya, dari segi suasana kemudahan-kemudahan asas dan juga jalan-jalanraya, saya rasa ketenangan di dalam memenuhi kerohanian tidak akan dapat dipenuhi. Begitu jugalah kalau negeri-negeri lain tidak pernah menimbulkan soal dalam negerinya berkenaan tempat-tempat ibadat ataupun masjid-masjid, tetapi di negeri Kelantan masih terdapat lagi masjid-masjid yang bocor, surau-surau yang bocor, lantai-lantai yang jongkang-jongkit yang semasa jumaahnya menunaikan Sembahyang Jumaat atau berjumaah masing-masing bimbang madrasah itu runtuh. Jadi begini khususnya amalan atau sembahyang kita itu atau begitu sempurna kalau sekiranya pemikiran kita takut madrasah itu akan runtuh. Ini banyak lagi masjid-masjid dan surau yang perlu dibina, bahkan kalau musim hujan masing-masing mencari tempat teduh, ditengah-tengah sembahyang pun

kadang-kadang minta beralih sedikit dia kata takut kena air hujan. Inilah keadaannya dari segi pembangunan rohaniah di segi tempat-tempat ibadat ataupun surau-surau yang masih berkehendakkan pertolongan atau bantuan daripada kewangan seperti ini.

Kalau sekiranya pihak yang tidak mahukan negeri Kelantan ini diberikan perhatian, saya rasa beliau itu datang sendiri melawat negeri Kelantan dan melihat bagaimana keadaan tempat ibadatnya, masjidnya dan juga melihat sendiri di dalam satu kawasan pilihanraya hanya ada sebuah atau dua buah masjid sahaja. Tetapi kalau pergi ke satu kawasan pilihanraya negeri di sebuah negeri lain, mungkin di dalam satu kawasan pilihanraya negeri itu mempunyai empat, lima atau enam masjid selain daripada Masjid Pusat. Ini ialah berdasarkan kenyataan yang ada, jadi dengan ini saya mengambil kesimpulan bahawa pembangunan material adalah perlu diseimbangkan dengan pembangunan rohaniah demi untuk kesempurnaan hidup rakyat di dunia ini dan juga di akhirat.

Sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Kota Setar tadi, baru inilah saya dengar dalam Dewan seperti ini wakil daripada Kedah, tetapi malangnya wakil Kelantan tidak pernah bercakap soal pembangunan ini, wakil daripada Kedah ini menyebutkan ia berkehendakkan soal pembangunan ini. Tetapi apabila beliau menghadapi rakyat mengatakan buat apa pembangunan, buat apa itu, buat apa ini. Misalnya sekarang ini satu pembangunan diberi oleh Jabatan Pertanian untuk memberi subsidi baja. Dia mengatakan buat apa baja, itu baja tahi orang Vietnam, buat apa baja mereka—tidak laku. Tetapi apabila sampai hendak membahagikan baja itu puak-puak itulah yang dahulu duduk di hadapan untuk memohon baja dan kalau kita tidak beri, ditimbulkan "Ha! ini untuk orang-orang UMNO, ini untuk orang-orang PAS". Kalau ada DAP, untuk orang DAP sama, mungkin tetapi di Kelantan DAP tidak berapa laku. Inilah kita tidak mahu kadang-kadang bercakap dalam Dewan ini kita mahukan pembangunan tetapi apabila menghadapi rakyat mengatakan buat apa pembangunan. Ini menyulitkan terutama negeri Kelantan yang saya katakan ketinggalan selama 18 tahun itu.

Begitu juga di dalam projek-projek kecil, kadang-kadang kalau kita beli pinggan untuk masjidpun membazir, kalau kita beri hampan untuk mesjid pun membazir. Tetapi

semasa di dalam Barisan Nasional itu tidak membazir, semasa Ahli dari Kota Setar itu duduk di dalam Barisan Nasional tidak membazir—serban pun dia beri, kopiah beri, kain pelekat beri; tidak membazir. Tetapi sekarang ini apabila keluar dari Barisan Nasional, semua projek kecil membazir. Beli pinggan untuk masjid membazir, beli tikar untuk madrasah membazir, untuk buat madrasah pun tidak guna, semuanya tidak guna. Jadi biarlah kita bercakap itu selaras. Kalau kita bercakap di dalam Dewan ini perlukan pembangunan dan peruntukan yang lebih, maka kita cakap kita mahukan peruntukan yang lebih dan kita cakap kepada rakyat yang kita telah minta kepada Dewan ini. Bukan di kampung kita hendak menjadi penghalang kepada pembangunan. Ini adalah sangat menyedihkan apabila saya sebutkan di sini berlaku di negeri Kelantan sendiri, menjadi penghalang yang besar untuk menjalankan pembangunan sepertimana telah saya ceritakan beberapa kali dahulu iaitu segala rancangan yang kita rancang dengan baik itu mendapat tentangan, dihasut kepada penduduk-penduduk kampung supaya jangan menerima rancangan itu, dengan rancangan taliair, elektrik, madrasah dan jalan. Ini baru sahaja berlaku di tempat saya. Jalan yang kita telah membelanjakan \$10,000 untuk membina jalan itu kerana tersilap mengatakan tanahnya, seorang kuat PAS telah menolak semua tanah itu, katanya tanah itu haknya. Sekarang telah menjadi satu masalah di tempat saya di Pasir Puteh. Sebatang jalan yang kita buat dengan harga \$10,000 telah ditolak dengan bulldozer dalam masa satu jam dan jalan telah putus tidak dapat digunakan oleh orang yang hendak keluar masuk di tempat itu. Dan ini kerana silap pihak tuan tanah itu mengatakan jalan itu dibuat di dalam tanahnya tetapi oleh kerana kebodohan dan kedegilan tidak mahu memahami, kerana Pembangkang ini banyak bodoh—maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana dia sebut bodoh dalam Dewan tadi, saya rasa boleh sebut bodoh juga—dia tidak memikir. Kadang-kadang masuk tanahnya sedikit pun dibesar-besarkan. Ini adalah tidak ada sedekah jariah langsung di dalam otaknya, di dalam fikirannya. Jadi jalan itu telah menjadi masalah yang besar.

Ini penghalang kepada pembangunan. Saya cadangkan jalan itu pada tahun hadapan ini hendak ditar supaya tidak berdebu (dust) tetapi tahun saya balik daripada Sarawak

tengok jalan itu telah ditolak. \$10,000 kita membelanjakan untuk membina jalan itu tetapi ditolak oleh orang kuat PAS dalam masa satu jam. Bukan dia tolak, saya rasa, barangkali ditolak dengan keadaan mudah. Tiga orang menunggu; orang Kelantan kata “kelewang”; tiga orang menunggu dengan kelewang semasa bulldozer itu menolak. Tetapi hari itu dibuat pada hari Jumaat, Pegawai Daerah (D.O.) tidak ada, tidak ada siapa hendak report kepada polis. Inilah satu penghalang yang besar kepada pembangunan. Jadi kalau dalam Dewan ini hendak bermukamu berkehendakkan kepada pembangunan, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak tepat dan hendaklah bercakap perkara ini di hadapan rakyat sama, jangan bercakap dalam Dewan ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada undang-undang yang kita bahaskan sekarang, saya rasa macam saya kata tadi negeri Kelantan masih berkehendakkan jalan-jalan, elektrik walaupun tidak masuk dalam Bill kita hari ini, balai-balai orang ramai, mesjid-mesjid dan surau dan juga kita berkehendakkan peruntukan-peruntukan yang diberi dalam masa yang lepas itu selalunya tidak mencukupi. Misalnya satu peruntukan yang telah diberi satu masa dahulu untuk membuat sebuah mesjid sebanyak \$50,000 tetapi masa penyelenggaraannya telah memakan masa setahun lebih. Maka menyebabkan tender untuk sebuah mesjid, sebuah surau yang paling rendah \$80,000. Ini bermakna \$30,000 tidak mencukupi. Sudahlah negeri Kelantan ini nasibnya tidak baik, sudahlah pembangunan itu jarang-jarang datang, apabila telah datang tidak cukup pula. Sehingga sekarang ini banyak mesjid-mesjid yang terbengkalai pembinaannya disebabkan peruntukannya tidak mencukupi.

Saya harap dengan peruntukan baru ini dapatlah Kerajaan Negeri atau pihak Kementerian Kewangan ini memberi peruntukan khas untuk menambahkan peruntukan-peruntukan pembangunan terutama pembangunan mesjid dalam bahagian segi keagamaan ini diutamakan bagi menambahkan projek yang tidak dapat disudahkan oleh kerana beberapa sebab, dari segi sebab kenaikan harga barang-barang ataupun dari sebab yang tidak dapat kita elakkan. Maka projek-projek seperti ini patut diutamakan, dan diberi keutamaan kepada projek-projek di kampung-kampung yang belum siap.

Inipun menjadi satu issue politik juga. Kalau satu projek tidak siap, macam-macam cerita. Sebuah mesjid yang belum lagi dibina sehingga sekarang telah menjadi cerita bahawa pihak Kerajaan Pusat berjanji palsu. Waran atau cek yang diberi dahulu itu palsu. Ini menjadi beban, walaupun nampaknya sedikit tetapi menjadi beban kepada orang-orang yang bertanggungjawab di peringkat tempatan. Jadi saya mintalah kepada pihak Kementerian kalau sekiranya projek-projek itu tidak mencukupi dengan nilai yang diberi itu dalam tahun 1978 misalnya, maka ditambah segera dalam tahun 1979 ini supaya projek itu dapat dijalankan, jangan memakan masa yang bertahun-tahun.

Satu lagi saya menyebut soal jalan-jalan kampung. Saya dapati kadang-kadang jalan-jalan kampung ini tidak habis-habis, tiap-tiap tahun kita baiki. \$1,500 tiap-tiap tahun dibaiki dan D.O. pun pening kepala. Wakil Rakyat lebih lagi pening kepala. D.O. kalau dia tidak dapat buat benda itu, dia kata pergi bertanya Wakil Rakyat. Ini menyebabkan di Kelantan dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dahulu tidak banyak menerima pembangunan. Jadi jalan-jalan kampung tidak banyak yang ditar.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dahulu misalnya negeri Trengganu dan negeri Pahang sendiri banyak jalan-jalan kampung yang kecil itu ditarkan dengan tar yang bermutu rendah, yang nipis, yang dengan keadaan cepat dapat disiapkan jalan-jalan di luar bandar sampaikan sesuatu tempat itu ke dalam kampung bukit ada jalan yang bertar di negeri Trengganu. Ini berdasarkan kenyataan. Tetapi negeri Kelantan selain daripada main road tidak ada, masuk ke kiri semua berdebu. Jadi supaya jalan-jalan kampung, jalan luar bandar ini tidak kita baiki tiap-tiap tahun. Maka saya mintalah pihak berkenaan akan memperuntukkan kewangan mengtarkan jalan itu dengan harga yang paling murah pun tidak mengapa asalkan ditar supaya tahan atau dengan kualiti yang paling rendah pun tidak apa asalkan benda itu tahan tiga empat tahun, lepas itu buat maintenance. Jalan itu jangan tiap-tiap tahun dibaiki, hari ini ditabur tanah, besok lepas musim hujan disambung bal'k. Jadi kita menambungkan wang itu dengan cara yang membazir.

Kalau kita membuat jalan itu dengan jalan yang lebih baik sedikit dengan tar walaupun nilainya lebih rendah dan murah, tetapi ia

tahan dua tiga tahun dan dapat memberi kemudahan kepada rakyat dan rakyat dapat nampak. Tetapi macam pembangunan setengah-setengah itu diutamakan di tempat-tempat yang dekat. Misalnya, sekarang ini kalau kita pergi ke Kelantan jalanraya yang sudah besar itu dilapis dan ditinggikan (rubberise) tetapi jalan kampung macam itu juga tidak diberi perhatian. Kalau untuk membaiki jalan-jalan yang besar ini dibawa-kan ke jalan JKR di kampung saya rasa lebih mendapat nikmat kepada rakyat. Ini mungkin tersentuh kepada JKR sedikit kerana selalunya apabila kita sebut jalan-jalan kampung ini JKR kata itu jalan kampung, itu jalan penggawa, saya tidak tahu. Kadang-kadang rakyat tidak kira jalan penggawakah, jalan kampungkah, jalan JKRkah mereka tidak kira. Saya harap peruntukan pembangunan yang begini biarlah rakyat nampak. Berilah pembangunan sehingga kalau dahulunya jalan itu dengan tanah biasa, maka biarlah sekarang diberi dengan tar supaya jalan itu tidak dibaiki pada tiap-tiap tahun. Sebenarnya apa yang disebutkan ini telah dibuat di satu masa dahulu oleh Kerajaan kita di negeri-negeri lain tetapi pada masa itu tidak dibuat di Kelantan. Oleh kerana ketinggalan yang begitu lama patutlah dalam rancangan yang baharu ini diberi peruntukan-peruntukan tambahan seperti ini.

Selain daripada itu bekalan air. Saya sangat bersetuju dengan bekalan air yang hendak diberi ini kerana bekalan-bekalan air kalau saya hendak ceritakan di kampung-kampung, di bandar-bandar kecil, terutama di Pasir Puteh sudah beberapa kali saya sebut dalam Dewan ini, airnya kalau hendak dikatakan tidak pakai susu pun tidak apa. Airnya diambil dari sebuah sungai kecil yang keruh hanya dengan melalui proses tapis. Walaupun kita tahu di seluruh daerah Pasir Puteh itu ada peruntukan \$3 juta bagi bekalan air tetapi bagi peruntukan yang hendak diberi ini biarlah diberi keutamaan sedikit kepada bekalan-bekalan air di bandar-bandar atau di kawasan yang airnya tidak begitu baik. Saya tidak tahu bagaimana keadaan pengurusan air tetapi air di kawasan saya di Pasir Puteh selalu keruh tidak bersih dan kualitinya sangat rendah kalau dibanding dengan air di tempat lain dan saya berharap ini juga diberi perhatian daripada peruntukan pembangunan yang akan diberi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh tentang ucapan wakil dari Petaling, "empty vessels make the most noise", ucapannya pada 29hb Jun, 1979 yang mengata saya ini lebih kurang "bodoh". Kadang-kadang Pembangkang ini banyak sangat menganggap yang orang lain ini semuanya bodoh, semuanya nonsense, semuanya tidak berfikiran, semuanya tong kosong.

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa kenamengena dengan Undang-undang ini?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Ada sedikit kaitannya, fasal saya sebut hal pembangunan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Jadi, apabila saya menyebutkan Undang-undang Darurat itu tidak patut dibatalkan kerana kalau dibatalkan pembangunan yang sedang berjalan ini akan terbantut dan berlaku huru-hara. Apabila berlaku huru-hara bagaimana hendak menjalankan pembangunan? Dia kata Dasar Ekonomi Baru tidak berkait dengan Undang-undang Darurat. Undang-undang Darurat yang ada itulah—masa dibincangkan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Saya beri pandangan kerana beliau tidak faham Bahasa Malaysia, itulah susah.

Saya kata Dasar Ekonomi Baru akan terbantut; pembangunan tidak akan dapat dijalankan kalau sekiranya Undang-undang Darurat ini dibatalkan. Apabila Undang-undang Darurat dibatalkan berlakulah huru-hara, kacau bilau, bom sana bom sini, macam mana pembangunan dan Dasar Ekonomi Baru hendak dijalankan? Tetapi tidak faham, kalau digunakan bahasa yang payah sedikit tidak faham. Beliau faham macam bahasa hendak beli ikan bolehlah, bahasa pasar, tetapi dia menuduh kepada saya ini selalu buat bising macam tong kosong, tetapi yang buat bising dalam Parlimen ini kebanyakan daripada Pembangkang. Jadi, nampaknya Pembangkang lebih tong kosong daripada back benchers. Inilah yang saya harap kalau pihak Pembangkang hendak menuduh terutama wakil dari Menglembu hendak menuduh pihak-pihak back-benchers ini, saya harap fikir dahulu: jangan tuduh orang bodoh, jangan tuduh orang itu nonsense, jangan tuduh orang itu tidak berguna, fikir dahulu apa qualification awak dan apa

qualification orang lain. Awak pas undang-undang, orang lain tidak pas undang-undang? Ini perkara-perkara patut

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa yang gaduhkan dengan Rang Undang-undang ini. (*Ketawa*). Ini melarat-larat jauh sangat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, terlajak sedikit kerana perasaan saya tidak tahan oleh sebab pada masa dia menggulung ucapan ini, saya tidak ada dalam Dewan ini (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya di dalam Dewan ini saya tidak pernah takut, saya akan tentang siapa sahaja, terutama dari Pembangkang dan saya rasa Ketua Pembangkang inilah orang yang paling buat bising sekali dalam Dewan ini dan yang paling kosong sekali otaknya. Tujuannya adalah untuk membangkang apa sahaja, pembangunankah, Dasar Ekonomi Barukah, apa yang Kerajaan buat semua tidak betul. Saya sudah bercakap begini panjang, tetapi akhirnya ini baru ada Ahli DAP, dia tidak mahu dengar, apa yang kita cakap, soal membincangkan Undang-undang seperti ini dia tidak mahu dengar, keluar, ada tadi seorang dua yang tidak berapa faham Bahasa Malaysia—Kalau adapun, kalau kita bercakap bahasa tinggi sedikit ia tidak faham, atau dungu atau tidak faham. Tetapi banyaknya golongan ini dungu sedikit, tidak berapa mengerti.

Dalam membincangkan soal pembangunan seperti ini, saya harap pihak DAP janganlah menggunakan tuduhan dan kata-kata kepada Ahli-ahli. Saya akan sentiasa mencari sekarang ini, saya akan mencabar sesiapa sahaja mengenai kata-kata yang kurang manis, kerana saya akan menggunakan perkataan-perkataan itu juga apabila sampai masanya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta meminda Akta Pembangunan ini saya juga tertarik dalam Fasal 7 iaitu pindaan seksyen 6: pemberian-pemberian yang dibuat kepada satu Negeri di Bawah Seksyen 4 itu bagi peruntukan pembangunan beberapa perkara: bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan dan kerja-kerja kecil dan juga apa-apa projek lain. Saya rasa peruntukan-peruntukan ini sepertimana dibangkitkan oleh Ahli Kota Melaka itu kenapa tidak masuk letrik, katanya. Kalau saya kata dungu dia hendak marah, tetapi wakil dari Tanah Merah sudah terangkan, bahagian

elektrik dia sudah ada LLNnya, dia satu lembaga yang mengurus soal elektrik. Ini di bawah Kerajaan Pusat bukan di bawah Kerajaan Negeri, tetapi Ahli dari Kota Melaka ini hendak masukkan satu lagi, elektrik. Letrik begitu penting, begini penting. Ini yang dungu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan di atas Rang Undang-undang ini akan disambung pada hari esok. Dewan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 11-10-79.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.